

DARIPADA Mahmud bin Lubaid Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Perkara yang paling aku takut terjadi pada kamu adalah syirik yang kecil". Para sahabat bertanya : "Apa itu syirik yang kecil wahai Rasulullah". Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Itulah riyak. Allah Azza Wajjala akan berfirman pada hari kiamat kelak : Pergilah orang yang kamu hendak tunjukkan amalan kamu kepada-Nya di dunia dan lihatlah adakah di sisi mereka itu ganjaran (dengan sebab amalan kamu)". (Hadis Riwayat Imam Ahmad).

## BERANGKAT KE SARAWAK REGATTA - KUCHING WATERFRONT FESTIVAL 2024



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Penangguhan Sarawak Regatta - Kuching Waterfront Festival 2024 yang berlangsung di Kuching, Sarawak, Malaysia. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat Muka 3).

## Penting kenali faktor risiko menyumbang kepada penyakit kardiovaskular

Oleh : Nooratini Haji Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 3 November. - Penyakit kardiovaskular kekal sebagai punca kematian utama di seluruh dunia.

Menurut Persekutuan Jantung Sedunia, lebih daripada 20.5 juta kematian setiap tahun adalah disebabkan penyakit kardiovaskular seperti serangan jantung, strok dan kegagalan jantung.

Pada 2019 sahaja, dianggarkan 17.9 juta orang mati akibat kematian pramatang, iaitu kematian sebelum umur 70 tahun, di mana 38 peratus lagi adalah disebabkan oleh penyakit kardiovaskular.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menekankan demikian pada Mesyuarat Saintifik Tahunan Ke-11 bagi Persatuan Jantung Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

>> Muka 9

## Berkenan hantar titah perutusan takziah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 2 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan takziah

kepada His Majesty King Felipe VI, King of Spain dan Perdana Menteri Kerajaan Sepanyol, Tuan Yang Terutama Pedro Sanchez dan juga kerajaan serta rakyat Kerajaan Sepanyol berikutan dengan bencana banjir yang menimpa wilayah Valencia, Sepanyol baru-baru ini sehingga mengakibatkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda.

## Pupuk budaya membaca, memperkasa Kesusasteraan Melayu

Oleh : Khartini Hamir

**BERAKAS**, Sabtu, 2 November. - Dalam era dunia pesat membangun dan terbuka ini, adalah penting untuk kita membuka ruang bagi pertukaran budaya antara negara bagi mengangkat warisan dan khazanah Brunei ke persada dunia.

Justeru, Pesta Buku Brunei merupakan platform yang sesuai untuk menghubungkan penulis, penerbit dan pengkarya dari pelbagai negara melalui jalinan kerjasama strategik kebahasaan, kesusasteraan, penerbitan dan kepustakaan.

Perkara itu digariskan oleh Menteri di

Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff ketika berucap pada Majlis Perasmian Pesta Buku Brunei 2024 bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

"Kita bukan sahaja memperkenalkan khazanah budaya kita, tetapi juga mempelajari dan menghargai karya seni dan budaya dari pelbagai latar belakang," ujar Yang Berhormat.

>> Muka 7



## Berita Utama



PLATFORM bantu muafaf dalam, hayati ilmu agama

Muka 5



HARGAI, raikan jasa peladang, petani, penternak dan nelayan

Muka 10



MENINGKATKAN kesedaran, kenal pasti risiko diabetes

Muka 18



HARGAI penat lelah pemakmur bumi

Muka 20





**TIMBALAN Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani** atas kapasitinya sebagai Timbalan Pengerusi Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) berucap semasa menyampaikan ucapan pada Simposium Kesihatan Selepas Menopaus bertempat di Radisson Hotel pada Jumaat, 18 Oktober 2024.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan selamat petang

**A**LHAMDULILLAH, dengan berbesar hati saya mengalu-alukan kedatangan awda semua, ke majlis

# Pastikan wanita punya akses maklumat yang tepat

yang penting ini, bagi meraikan Hari Menopaus Sedunia. Setiap tahun, pada 18 Oktober, masyarakat antarabangsa berkumpul untuk meningkatkan kesedaran tentang menopaus. Ditubuhkan pada 2009 oleh Persatuan Menopaus Antarabangsa, dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Hari Menopaus Sedunia mengetengahkan pelbagai tajuk penting mengenai menopaus. Tema tahun ini, 'Terapi Hormon Menopaus', bertujuan untuk mendidik dan menggalakkan pemahaman tentang aspek kritikal kesihatan wanita ini.

Acara hari ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang menopaus dan tumpuan kepada pilihan sokongan yang tersedia, bagi meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan wanita semasa fasa peralihan dalam kehidupan yang signifikan ini.

Menopaus bukanlah satu keadaan atau penyakit. Ia adalah fasa peralihan dalam hidup yang semula jadi, namun mendalam, yang menandakan berakhirnya tahun reproduktif wanita dan permulaan lembaran baharu. Walaupun pengalaman sejagat, menopaus kekal sebagai salah satu aspek kesihatan wanita yang paling kurang dibincangkan. Ramai wanita menanggung fasa ini dalam diam, bergelut dengan cabaran emosi, mental dan fizikalnya tanpa sokongan, empati dan pemahaman yang sepatutnya.

Pengalaman setiap wanita dengan menopaus adalah unik. Sesetengah mungkin mengalami gejala ringan, manakala yang lain

menghadapi cabaran yang lebih teruk yang menjejaskan kehidupan seharian mereka. Gejala biasa seperti demam panas, perubahan mood, gangguan tidur dan masalah kesihatan tulang sering diabaikan dalam komuniti, tempat kerja dan juga di rumah kita. Namun, kesan menopaus pada kehidupan wanita adalah ketara - tiga daripada empat wanita mengalami simptom, dan 70 peratus melaporkan menerima tekanan akibatnya. Secara profesional, ramai wanita berada di puncak kerjaya mereka pada masa ini, namun 14 peratus mengurangkan waktu kerja mereka dan 10 peratus meninggalkan tenaga kerja sepenuhnya kerana cabaran berkaitan menopaus.

Ini menekankan kepentingan pendidikan dan kesedaran. Kita mesti memastikan bahawa wanita mempunyai akses kepada maklumat yang tepat, penjagaan kesihatan yang penuh ihsan, dan persekitaran yang menyokong yang membolehkan mereka mengemudi fasa menopaus dengan bermaruah dan yakin. Sama pentingnya untuk menyertakan lelaki dalam perbualan ini - sama ada mereka pasangan, ahli keluarga atau rakan sekerja - supaya mereka juga boleh memahami dan memberi sokongan kepada wanita, dalam kehidupan mereka semasa peralihan ini.

Sebagai tetamu kehormat, saya merasakan adalah menjadi kewajipan saya untuk menekankan keperluan untuk

memecahkan stigma berkaitan menopaus. Saya juga menggalakkan profesional, komuniti dan individu untuk mengambil bahagian secara aktif dalam kempen kesedaran global ini. Dengan berkongsi bahan pendidikan, penganjuran acara, dan menguatkan siaran Hari Menopaus Sedunia di media sosial, kita semua boleh menyumbang untuk meningkatkan kesedaran dan menyokong wanita melalui peringkat fasa kehidupan yang penting ini.

Kepada tetamu yang dihormati, marilah kita bersama-sama meraikan kekuatan dan daya tahan wanita - mereka yang memasuki fasa menopaus, mereka yang mengalaminya sekarang dan mereka yang akan mengalaminya pada masa hadapan. Menopaus bukan sekadar pengakhiran, tetapi permulaan baharu - masa pembaharuan, pemerksaan dan penemuan diri. Kebijaksanaan dan pengalaman yang dibawa oleh wanita ke dalam fasa kehidupan ini bukan sahaja memperkayakan perjalanan peribadi mereka sendiri tetapi juga komuniti dan masyarakat yang mereka bantu bentuk.

Terima kasih kerana menjadi sebahagian daripada hari penting ini. Bersama-sama, marilah kita terus memupuk kesedaran, sokongan, dan perayaan untuk semua wanita.

Selamat Hari Menopaus Sedunia!  
Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu  
'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

WAKTU SEMBAHYANG										
NOVEMBER MASIHI	HARI	JAMADILAWAL HIJRAH	TMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4	ISNIN	2	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.25	6.02	7.13
5	SELASA	3	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13
6	RABU	4	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13
7	KHAMIS	5	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13
8	JUMAAT	6	4.36	4.46	6.06	6.30	12.05	3.26	6.02	7.13
9	SABTU	7	4.36	4.46	6.07	6.30	12.05	3.26	6.02	7.13
10	AHAD	8	4.36	4.46	6.07	6.30	12.05	3.26	6.02	7.14

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
	ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
Pekan Bangar	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
Pekan Tutong	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
Kuala Belait	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C

Wallahualam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
www.mef.gov.bn

## SIDANG PENGARANG 4 NOVEMBER 2024

### Sumbangan bermakna untuk rumah Allah

**M**ASJID Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang telah meraikan Ulang Tahun Perasmianya Ke-10 baru-baru ini. Bagi penambahbaikan sebanyak BND226,250 telah dilaburkan untuk Projek Hiasan Dalaman Masjid SSBRPAD yang mengandungi kerja-kerja untuk menghisap keempat-empat bahagian dalam dinding masjid dan bahagian luar pintu masuk utama masjid dengan ayat-ayat Al-Quran yang telah dipilih, Asmaul Husna dan zikir-zikir.

Reka bentuk hiasan dalaman ini menggunakan motif tempatan masjid ini iaitu buah dan Bunga Manggis 'Garcinia Mangostana' dan Bunga Madang 'Beilschmieda' dan motif yang terdapat dalam perhiasan pengantin lelaki iaitu 'Pending' dan perhiasan pengantin perempuan iaitu 'Serbang'. Kesemua motif ini telah diadun dengan rapinya bagi melahirkan reka bentuk yang menjadi penghias ayat-ayat Al-Quran, Asmaul Husna dan kalimah zikir yang begitu unik dan khusus untuk Masjid SSBRPAD, Kampung Manggis / Madang.

Sehubungan itu, pada Jumaat, 18 Oktober, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid SSBRPAD telah mengadakan Majlis Perasmian Hiasan Dalaman di ruang sembahyang utama masjid berkenaan, yang mana Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menandatangani plak perasmian hiasan dalaman masjid berkenaan.

Salah satu amal yang digalakkan umat Islam ialah dengan membantu membina masjid. Semua rakyat dan penduduk di negara ini berpeluang untuk menyumbang bagi pembinaan masjid atau membaiki masjid / surau melalui Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam. Ini adalah satu peluang besar yang amat bermakna bagi umat Islam di negara ini untuk sama-sama bertanam saham di akhirat. Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam ini setentunya akan memberikan peluang seluas-luasnya kepada semua lapisan masyarakat untuk sama-sama membangun masjid tidak kira berapa pun jumlah yang didermakan. Antara perkara lain yang boleh kita usahakan bersama adalah dengan memberi sumbangan ikhlas tenaga, masa mahupun harta untuk memakmurkan rumah-rumah Allah.

Justeru sumbangan kita meskipun kecil tetap akan mendapat rahmat Allah Subhanahu Wata'ala apatah lagi sumbangan yang dihulurkan adalah untuk pembinaan / membaiki masjid ataupun surau. Membangun masjid adalah tindakan sedekah jariah yang luar biasa. Ganjaran untuk membina masjid tidak ada habisnya, dan selagi orang ramai mendapat manfaat daripada masjid yang telah awda bina, maka awda akan terus mendapat ganjaran dari Allah Subhanahu Wata'ala walaupun di akhirat.

"Siapakah yang mau memberi pinjaman kepada Allah, pinjaman yang baik (menafkahkan hartanya di jalan Allah), maka Allah akan melipat gandakan pembayaran kepadanya dengan lipat ganda yang banyak. Dan Allah menyempitkan dan melapangkan (rezeki) dan kepada-Nya-lah kamu dikembalikan." (Al-Baqarah : 245)

Masjid sendiri sebenarnya melambangkan perpaduan dan ukhuwah umat Islam, selain medium untuk menjaga serta membangunkan modal insan sama ada daripada aspek akhlak atau kerohanian. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دچیتق اوله قرینت قلس سنیدیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam



# Berangkat ke Sarawak Regatta - Kuching Waterfront Festival 2024



Santap Petang di Hotel Hilton, Kuching.

Sebelum berangkat balik dari Kuching, Doa Selamat telah dibacakan oleh Timbalan Imam Besar Sarawak, Ustaz Haji Mohammad Ihsan bin Haji Haidzir.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching bagi menyembahkan ucapan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak; Yang Amat Berhormat Premier Sarawak; dan Yang Berhormat Timbalan Premier Sarawak, selaku Menteri Pengiring.

Regata Sarawak yang berlangsung di sepanjang Sungai Sarawak ini telah mula diperkenalkan pada tahun 1872, dan sejak itu, ia diadakan pada hampir setiap tahun bagi mempertandingkan perlumbaan-perlumbaan perahu yang disertai oleh pelbagai agensi kerajaan, sektor swasta serta negara-negara jiran termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Indonesia.

Tambahan lagi, dengan keberangkatan Kebawah DYMM ke Kuching ini bukan sahaja merapatkan lagi persahabatan di antara NBD dan Negeri Sarawak, malah ia turut mencerminkan minat baginda khususnya dalam bidang sukan lumba perahu, di samping menyerikan lagi suasana Sarawak Regatta 2024 yang sangat dinanti-nantikan oleh semua lapisan masyarakat Sarawak.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Penungguhan Sarawak Regatta - Kuching Waterfront Festival 2024 yang berlangsung di Kuching, Sarawak, Malaysia (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**KUCHING, SARAWAK,** Ahad, 3 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat menghadiri Majlis Penungguhan Sarawak Regatta -

Kuching Waterfront Festival 2024 yang berlangsung di Kuching, Sarawak, Malaysia.

Sejurus keberangkatan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar; Premier Sarawak, Yang Amat Berhormat Dato Seri Setia Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg; dan Timbalan Premier Sarawak, Yang Berhormat Dato Paduka Seri Laila Jasa Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hasan selaku Menteri Pengiring.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berangkat ke Kuching Waterfront bagi Majlis Penungguhan Sarawak Regatta - Kuching Waterfront Festival 2024, di mana keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak; dan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak, Yang Berhormat Dato Sri Haji Abdul Karim bin Rahman Hamzah, merangkap Menteri Bertanggungjawab Sarawak Regatta - Kuching Waterfront Festival 2024.

Semasa acara tersebut, baginda berkenan menyaksikan dua kategori perlumbaan perahu iaitu Acara Perahu Kenyalang 20 Pekayuh Lelaki (VIP) (Terbuka); dan Acara Kemuncak Sarawak Regatta, perlumbaan akhir Perahu Bidar 30 Pekayuh Lelaki (Tempatan) bagi merebut gelaran 'Raja Sungai 2024'.

Selesai perlumbaan-perlumbaan perahu berkenaan,

Kebawah DYMM berkenan mengurniakan hadiah-hadiah kepada pasukan-pasukan pemenang termasuk Piala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan hadiah-hadiah kepada pasukan yang menjuarai Kategori Perahu Bidar 30 Pekayuh Lelaki (Tempatan) yang dinobatkan menjadi 'Raja Sungai 2024'; dan Piala kategori Perahu Kenyalang 20 Pekayuh Lelaki (VIP) (Terbuka) di mana Pasukan Lumba Perahu Negara Brunei Darussalam telah berjaya memenangi tempat ketiga bagi acara tersebut.

Kebawah DYMM seterusnya berangkat menghadiri Majlis



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan hadiah-hadiah kepada pasukan-pasukan pemenang (atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia sejurus berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (atas). Manakala gambar atas sekali, Kebawah DYMM berkenan menerima pesambah. Manakala gambar kiri, baginda berkenan beramah mesra semasa berangkat tiba di hotel persemayaman.



# LEBIH 1,000 PESERTA MERIAHKAN VA RUN 2024



**BERANGKAT** menyertai larian berkenaan dalam Kategori 10km Corporate Team, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman. Turut berangkat menyertai larian anakanda-anakanda Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkihah; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkihah (kiri sekali dan kiri).

Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah. Acara tersebut berjaya dilaksanakan melalui sokongan rakan kongsi seperti Peak Club, Youc1000, dan Al-Afiah Hotel, dengan Imagine Sdn. Bhd. sebagai rakan telekomunikasi rasmi.

Dalam satu langkah bermakna, VA menyumbang BND1 untuk setiap peserta yang mendaftar kepada badan amal di Uniklearn oleh An-Harapan, menekankan komitmen acara ini terhadap masyarakat dan tanggungjawab sosial.

VA Run 2024 bukan sahaja mempromosikan kesihatan dan kecergasan tetapi juga memupuk semangat komuniti dan hubungan antara pelari sambil menyokong tujuan yang mulia.

Untuk maklumat lanjut mengenai acara berkenaan dan aktiviti yang akan datang, ikuti VA di media sosial rasmi @victoryathletesbrand.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 3 November. - Seramai 1,305 peserta pagi tadi menyertai VictoryAthletes (VA) Run 2024 anjuran VA yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, di sini.

Sebanyak lapan kategori dibukakan pada larian berkenaan iaitu 10 kilometer (km) Male Open, 10km Female Open, 10km Male Junior U18, 10km Female Junior U18, 5km Male Open, 5km Female Open, 10km Corporate Team dan 5km Corporate Team.

Berangkat menyertai larian berkenaan dalam Kategori 10km Corporate Team, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah

binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat menyertai larian berkenaan ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkihah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkihah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee

Billah.

Pada larian berkenaan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah menyertai pasukan Team Peak berjaya menduduki tempat kedua.

Manakala, juara bagi Kategori 10km Male Open dan 10km Female Open masing-masing disandang oleh Ruzaini Mahadi dan Siaw Khim Tho, sementara johan dalam Kategori 10km Male Junior U18 dan 10km Female Junior U18 pula masing-masing dimenangi oleh Abdullah Abbas Ag. Abdullah dan Malak Elsaadany.

Sementara itu, tempat pertama dalam Kategori 5km Male Open dan 5km Female Open pula dirangkul oleh Muhd. Fathurrahman Haji Zulkifli dan Linda Chin.

Kategori 10km Corporate Team dan 5km Corporate Team pula masing-masing dimenangi oleh pasukan LTB Ayam dan BIBD A di tempat pertama.

Hadir selaku tetamu kehormat pada larian berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf.

Kemeriahan acara diakhiri dengan penyampaian hadiah oleh tetamu kehormat kepada tiga pemenang teratas bagi setiap kategori kompetitif, merayakan pencapaian semua peserta.

Penyampaian hadiah bagi Kategori 10km Male Open dan 10km Female Open pula disempurnakan oleh YTM



**JUGA** berangkat mengikuti larian berkenaan ialah anakanda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim (atas). Sementara gambar kanan dan bawah kiri, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir selaku tetamu kehormat pada VictoryAthletes (VA) Run 2024 berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

**ANTARA** yang menyertai VA Run 2024 berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin (bawah).





# PLATFORM BANTU MUALAF DALAMI, HAYATI ILMU AGAMA



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perhimpunan Muallaf Senegara Kali Ke-2 Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi (atas kiri, atas kanan dan bawah kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 3 November. - Majlis Perhimpunan Muallaf Senegara Kali Ke-2, Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi anjuran Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui kolaborasi Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) dengan Unit Da'wah Daerah-daerah berjaya menghimpunkan kira-kira seramai 200 muallaf seluruh negara pada majlis yang berlangsung di Dewan Persidangan, PDI, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka

Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan serta pegawai-pegawai kanan di Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Pada majlis berkenaan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama juga turut melancarkan Kad Imbasan 'Mudahnya Mendirikan Sembahyang', Bacaan Dalam Sembahyang yang diusahakan oleh Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf), PDI.

Kad Imbasan berkenaan digunakan sebagai salah satu bahan bantu mengajar dan diharap dengan adanya Kad Imbasan berkenaan akan memudahkan lagi para muallaf untuk menghafal bacaan-bacaan mereka dalam sembahyang.

Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh dalam alu-aluannya berkata, majlis sedemikian merupakan sebagai platform untuk meningkatkan motivasi dan menarik minat para muallaf untuk menghadiri majlis ilmu serta memberi ruang dan peluang kepada para muallaf untuk berkongsi sama dan bertukar-tukar pengalaman.

"Alhamdulillah selain Majlis Perhimpunan Muallaf Senegara ini, terdapat inisiatif-inisiatif pemedulian terhadap muallaf yang telah dilaksanakan oleh PDI melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) di negara ini.

"Antaranya ialah Kelas-kelas Bimbingan Muallaf, Bimbingan

Pengenalan Islam, Skim Bimbingan Asas, Skim Bimbingan Lanjutan I dan Skim Bimbingan Lanjutan II serta program dan aktiviti Tarbiyah Bersama Muallaf.

"Pada 9 Oktober 2024 yang lepas, juga telah dilancarkan Kelas Seni Tarannum Al-Quran bertujuan untuk memberi pendedahan kepada muallaf yang meminati dalam bidang Tarannum Al-Quran dan sebagai salah satu platform persiapan bagi para muallaf yang akan menyertai Musabaqah Membaca Al-Quran bagi peringkat muallaf sama ada peringkat negara, seborneo atau serantau," jelasnya lagi.

Majlis diserikan lagi dengan sesi ceramah yang disampaikan oleh penceramah undangan, Naib Canselor Universiti Islam Selangor, Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Profesor Madya Dr. Md. Farid Ravi bin Abdullah, yang berkongsi mengenai pengalamannya dan cabaran yang dihadapinya dalam hijrahnya menuju agama Islam.

Ceramahnya bertajuk 'Cabaran Muallaf Tangani Masalah Kesihatan Mental' juga menjadikan antara kisah perjuangan Nabi Ibrahim yang menghadapi pelbagai cubaan dalam mengembangkan agama Allah pada masa zaman jahiliah pada ketika itu.

Justeru itu, pengajaran dan simpulan daripada ceramah antara lain menyatakan meskipun ditimpa pelbagai cabaran namun jangan cepat berputus asa dan sentiasa untuk mempertingkatkan dan kuatkan iman di samping sentiasa bersyukur atas setiap dugaan kerana tersirat hikmah di sebaliknya.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan para jemputan berkesempatan menyaksikan petak-petak jualan oleh Konsortium Muallafpreneurs dan kemudiannya menyaksikan pameran oleh Persatuan Nurul Islam (PNI), Daerah Brunei dan Muara; Persatuan Saudara-saudara Baru Daerah Tutong (PESATU), Persatuan Sinar Islam (PSI), Daerah Belait;



**Oleh :** Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
**Foto :** Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

dan Persatuan Saudara Baru (PESAT), Daerah Temburong.

Majlis Perhimpunan Muallaf Senegara Kali Ke-2 berkenaan adalah bersempena Sambutan Jubli Delima PDI 1406H - 1446H, dengan tema 'Sinar Da'wah 40 Tahun Di Negara Zikir'.

Adapun tujuan acara berkenaan adalah untuk meningkatkan kesedaran akan pentingnya mendalami dan menghayati ilmu

agama malah untuk memperkasa lagi kefahaman muallaf terhadap ajaran agama Islam.

Selain itu, ia juga diharap dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan dan ajaran agama Islam dalam kalangan muallaf seterusnya untuk diterapkan dalam kehidupan seharian di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim para muallaf dari keempat-empat daerah.



**NAIB** Canselor Universiti Islam Selangor, Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Profesor Madya Dr. Md. Farid Ravi bin Abdullah semasa menyampaikan ceramah.



**ANTARA** yang hadir pada majlis berkenaan.

**ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN**

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn



# RAIH RAHMAT ALLAH DENGAN MEMBACA SURAH AL-WAQIAH

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 3 November. - Kelebihan membaca Al-Quran berdasarkan hadis Nabi yang maksudnya : Sesiapa yang membaca satu huruf daripada Kitabullah (Al-Quran) maka baginya satu kebaikan. Riwayat al-Tirmizi (2910).

Tazkirah menekankan tentang kelebihan membaca Surah Al-Waqiah, sepertimana yang dinukilkan oleh Ibn Mas'ud, yang maksudnya : "Barang siapa yang membaca Surah Al-Waqiah pada setiap malam, maka ia tidak akan ditimpa musibah kefakiran selama-lamanya". Lihat al-Jamie' al-Soghair, al-Suyuti (12546).

Tazkirah juga menyeru para hadirin untuk mengamalkan Surah Al-Waqiah untuk mendapatkan rahmat Allah yang maha luas, yang mana dengan adanya rahmat Allah, insyaaAllah, negara dan penduduk rakyat negara ini akan sentiasa dipelihara daripada segala macam wabak dan perkara-perkara yang merbahaya.

Perkara tersebut antara inti pati tazkirah bertajuk 'Meraih Rahmat Allah dengan bacaan Surah Al-Waqiah' yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Mohammad Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yussof dari Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas bagi menyeronokkan lagi Malam Munajat Kali Ke-158 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Acara Malam Munajat diteruskan lagi malam tadi dengan mengundang Tetamu Khas, Atase Pelajaran dan Kebudayaan, Pejabat Kedutaan Besar Negara

**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama turut menyertai Malam Munajat Kali Ke-158 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Brunei Darussalam (NBD) di Kaheerah, Republik Arab Mesir, Awang Haji Mohd. Sujairi bin Haji Dollah dari Bangunan Darussalam, Kaheerah, Republik Arab Mesir.

Turut menyertai Malam Munajat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Juga mengimarahkan acara tersebut ialah pegawai dan kakitangan Pejabat Kedutaan Besar NBD di Kaheerah, Republik Arab Mesir; pelajar-pelajar Tahun 1 Ma'had Qiraat Shoubra, Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir; warga UNISSA; Kumpulan Belia dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Az-Zakireen, Meragang; Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah dari Masjid Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti, Kampung Burong Pingai Ayer; Masjid Lambak Berakas; Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas; serta dari masjid-masjid termasuk surau dan balai ibadat yang berjumlah 66 buah dari seluruh negara.

Juga, warga kerja KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama keluarga dan juga individu yang turut serta secara maya dari kediaman masing-masing.

Selepas bacaan Sayyidul



Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Waqiah beramai-ramai dipimpin oleh Pelajar Tahun 1, Ma'had Qiraat Shoubra bersama pelajar-pelajar Tahun 1 dan Ahli Jawatankuasa Badan Kebajikan Penuntut Brunei Darussalam di Republik Arab Mesir, Awang Muhammad Azib bin Muhammad Azim dari Bangunan Darussalam, Kaheerah, Republik Arab Mesir.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Mohammad bin Bagol dari Masjid Lambak Berakas.

Selesai Tazkirah, disusuli

dengan bacaan Asma ul Husna beramai-ramai dipimpin oleh Ketua Belia Masjid Az-Zakireen, Meragang, Awang Md. Izzat Nashruddin bin Md. Kamaruddin, bersama Kumpulan Belia dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Az-Zakireen, Meragang dari Masjid Az-Zakireen, Meragang.

Sebelum mengakhiri acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Imam Tingkat IV, Masjid Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti, Kampung Burong Pingai Ayer, Awang Ahmad Rahmat bin Haji Metarsat.

Malam Munajat anjuran KHEU

mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon kemampuan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu Malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu>.

## Melahirkan muallaf cemerlang, aktif dalam kemasyarakatan



**PEMANGKU** Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Chong @ Chong Kai Lung.

Di antara objektif program ini diadakan untuk menyuntik semangat, motivasi dan inspirasi untuk menyebarkan kebaikan khususnya pada orang bukan Islam, mengetahui dengan lebih mendalam akan cabaran menjadi seorang muallaf, mempelajari cara dan kaedah dalam menyantuni keluarga yang belum Islam, dan menampilkan belia muallaf tempatan yang bergiat aktif dalam masyarakat.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ihsan Pusat Da'wah Islamiah

**PULAIE**, Ahad, 3 November. - Belia Muallaf As-Syahadah, di bawah naungan Urus Setia Program Keagamaan Belia (PKB), Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama mengadakan Program Bicara Muallaf yang diadakan di Dewan Persidangan, PDI, pagi tadi.

Bicara Muallaf adalah salah satu program dari Program Ikon Muallaf yang mendedahkan para peserta Ikon Muallaf kepada tokoh-tokoh muallaf dalam dan luar negeri melalui sesi ceramah dan perkongsian.

Seterusnya, untuk melahirkan muallaf yang cemerlang dalam semua aspek modal insan berlandaskan kepada Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan menjadi duta dalam pemangkin dalam menarik lebih ramai muallaf untuk terlibat aktif dalam hal ehwal kemasyarakatan.

Turut hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Pengisian program tersebut

adalah berbentuk Forum Bicara Muallaf dengan tajuk 'Dari Muallaf Ke Muallaf', terdiri daripada tiga orang panel, antaranya panel jemputan dari luar negeri iaitu Naib Canselor Universiti Islam Selangor, Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Profesor Madya Dr. Mohd Farid Ravi bin Abdullah; Presiden WeCare Brunei, Awang Muhammad Samira Razin bin Abdullah Sambut; dan Pengarah

Kreatif Matters of Choice, Awang Muhammad Adam bin Abdullah



**SEKITAR** Program Bicara Muallaf diadakan di Dewan Persidangan, PDI.



# PUPUK BUDAYA MEMBACA, MEMPERKASA KESUSASTERAAN MELAYU

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Menurut Yang Berhormat lagi, Pesta Buku Brunei perlu terus diperkukuhkan peranannya sebagai hab interaksi dan urus niaga bagi penggerak industri penerbitan buku serantau dan antarabangsa, wadah pelestarian ilmu, literasi dan bahasa, dan platform mendukung perkembangan industri seni kreatif.

Dengan memanfaatkan ruang-ruang peningkatan yang ada ditambahnya, Pesta Buku Brunei akan mampu berkembang dan

mencapai persada yang sebanding dengan pesta buku antarabangsa di negara lain, tidak hanya terhad kepada pameran dan jualan buku tetapi meliputi pelbagai aktiviti yang merangsang minat membaca, menjana kreativiti dan memperlihatkan imej serta warisan budaya Brunei, juga sebagai penjana ekonomi dan pembangunan intelektual.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat menyeru Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai penganjur untuk terus meneroka peluang kerjasama dengan agensi yang berkaitan

serta pihak yang berkepentingan, secara pendekatan sinergis.

"Dengannya insyaaAllah, objektif Pesta Buku Brunei akan dapat dicapai sepenuhnya," ujarnya.

Terdahulu dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II melahirkan ucapan tahniah atas usaha yang berterusan dalam menganjurkan Pesta Buku Brunei bagi melaksanakan salah satu dasar penubuhannya, iaitu meningkatkan penglibatan masyarakat menjayakan budaya ilmu dan membaca.

Penganjuran acara seperti Pesta Buku Brunei ini katanya, dapat membantu memupuk

budaya membaca dalam kalangan masyarakat, meningkatkan daya apresiasi masyarakat terhadap buku dan memperkasa kesusasteraan Melayu sebagai alat pengembangan pemikiran dan kebudayaan.

"Ini secara langsung menyumbang kepada pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya," terangnya.

**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II ketika berucap pada Majlis Perasmian Pesta Buku Brunei 2024.



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada majlis dan seterusnya merasmikan Pesta Buku Brunei 2024. Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu khas (atas dan kanan). Sementara gambar bawah, antara pelajar yang hadir pada majlis tersebut.

**BERAKAS**, Sabtu, 2 November. - Pesta Buku Brunei yang diangkat sebagai projek tahunan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) amatlah penting kerana peranannya yang perlu dilihat secara holistik, iaitu tidak hanya menumpukan kepada memperkasa budaya membaca tetapi meliputi lebih daripada sekadar membaca yakni *beyond books*.

Ini bermakna, Pesta Buku Brunei menjadi antara wadah yang tepat dalam memperkenalkan dan menerapkan erti pendidikan yang sebenar kepada masyarakat.

Selain itu, pendidikan bukanlah hanya didapatkan secara formal sahaja namun, diperluaskan dalam pelbagai platform, dan pada pesta buku kali ini menerapkan konsep didik hiburan (*edutainment*) yang memberikan dan menyediakan pembelajaran secara interaktif menerusi pelbagai kegiatan dan aktiviti yang disediakan.

Selaras upaya tersebut, Pesta Buku Brunei 2024 mengangkat tema 'Lestari Buku Santuni Budaya', dengan harapan akan dapat melahirkan masyarakat yang

berpengetahuan, mengapresiasi budaya dan memiliki rasa bangga terhadap jati diri bangsa.

Perkara itu digariskan dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit, selaku Pengerusi Pesta Buku Brunei 2024 pada Majlis Perasmian Pesta Buku Brunei 2024, pagi tadi.

Pada tahun ini, Pesta Buku Brunei diadakan selama 10 hari mulai 2 hingga 11 November 2024 bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan Pesta Buku Brunei 2024 ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff.

Turut hadir ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku tetamu khas dan Timbalan Menteri (Sekuriti dan



## Lahirkan masyarakat berpengetahuan, apresiasi budaya

Undang-undang), JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.

Kemuncak majlis ialah pelancaran aplikasi BudayaBN, perkhidmatan terbaharu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) hasil usaha sama Sektor Kebudayaan dan Unit Teknologi Maklumat, KKBS.

BudayaBN berfungsi sebagai aplikasi pusat yang menempatkan maklumat dan perkhidmatan di bawah Sektor Kebudayaan, KKBS.

Aplikasi ini bertujuan untuk memelihara dan mempromosi warisan budaya dengan mendokumentasi tradisi, bahasa dan amalan masyarakat Brunei, dan diharap akan memudahkan masyarakat Brunei khususnya dan masyarakat luar negara amnya untuk mengetahui, memahami dan menghargai budaya Brunei yang pelbagai.

Setakat ini, pengisian aplikasi mengandungi modul Kamus Bahasa Melayu Brunei, termasuk ejaan Jawi, gambar dan audio cara sebutan.

Majlis perasmian Pesta Buku Brunei 2024 juga diserikan dengan persembahan sketsa Hikayat 4 Pemalas oleh Rampun Kesenian Insan Sastera (RAKIS), sebuah kelab kegiatan sastera di Universiti Brunei Darussalam.

Sketsa ini diadaptasi daripada komik Hikayat 4 Pemalas karya Dr. Ena Wasli, Pensyarah Program Kesusasteraan Melayu, Universiti Brunei Darussalam.

Komik ini mengandungi unsur budaya Melayu seperti pantun, syair dan cara kehidupan masyarakat Melayu tradisional, yang disampaikan dalam bentuk komedi dan menghiburkan tetapi sarat dengan mesej dan moral.

Pesta Buku Brunei kali ini menampilkan sebanyak 37 pempamer dalam dan luar negara yang menawarkan jualan buku dengan potongan harga 10 hingga 80 peratus.

Ia dibukakan bagi kunjungan orang ramai setiap hari bermula pada 2 hingga 11 November 2024, pukul 8.30 pagi hingga 9.30 malam, kecuali Jumaat pada pukul 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.30



petang hingga 9.30 malam.

Selain itu, pelbagai aktiviti menarik bagi setiap peringkat umur

turut diadakan, dan peserta aktiviti

berpeluang untuk memenangi hadiah istimewa.

**Awas! Jalan Licin Dihadapan**

**Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA**

- Always Wear a seatbelt
- No mobile phones while driving
- Speeding is dangerous
- Do not drive under influence
- Wear helmet and proper attire while riding
- Always watch out for other road users
- Always check tyres

[www.mkkjr.gov.bn](http://www.mkkjr.gov.bn)



# PELANCARAN 33 BUAH BUKU BAHARU



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan Majlis Perasmian Pesta Buku Brunei 2024. Turut hadir pada majlis berkenaan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (atas dan kanan).

**BERAKAS**, Sabtu, 2 November. - Dalam usaha untuk meningkatkan penglibatan masyarakat menjayakan budaya ilmu dan membaca, serta membina apresiasi terhadap karya seni dan penulisan buku, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) secara konsisten menganjurkan Pesta Buku Brunei setiap tahun.

Pada Majlis Perasmian Pesta Buku Brunei 2024 yang diadakan pagi tadi bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, turut menyaksikan pelancaran 33 buah buku terbaharu, iaitu 18 buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, sembilan buku terbitan

Jabatan Muzium-Muzium dan enam buku terbitan Pusat Sejarah Brunei.

Buku-buku tersebut terdiri daripada genre umum, ilmiah, sastera dan kanak-kanak.

Pelancaran buku-buku baharu tersebut disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof selaku tetamu kehormat majlis.

Turut disempurnakan semasa majlis perasmian tersebut ialah penyampaian Hadiah Buku Terlaris 2023 iaitu usaha DBP

untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada buku-buku yang dihasilkan oleh penulis-penulis tanah air, sama ada yang diterbitkan oleh penerbit-penerbit kerajaan, swasta mahupun orang perseorangan.

Pengiktirafan ini dinilai daripada jumlah buku terjual dalam setahun.

Hadiah Buku Terlaris bagi tahun 2023 dianugerahkan kepada tiga kategori buku, iaitu ilmiah, sastera dan kanak-kanak.

Penyampaian Hadiah Buku Terlaris telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

Hadiah Buku Terlaris bagi

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



Kategori Ilmiah dianugerahkan kepada buku bertajuk Tarsilah Brunei : Peralihan ke Arah Brunei Moden (Tahun 1828 - 1924 Masihi), ditulis oleh Allahyarham Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Profesor Kehormat Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, dan diterbitkan oleh Pusat Sejarah Brunei.

Bagi kategori sastera, pengiktirafan diberi kepada buku Real Ghost Stories of Borneo 6, nukilan Dr. Aamton Alias dan terbitan M Content Creations.

Manakala bagi Kategori Kanak-Kanak, Hadiah Buku

Terlaris 2023 diberikan kepada buku bertajuk Pancuran Limpanas Si Burung Murai tulisan Dayang Suriani @ Sarrah 'Aina binti Haji Abdul Rahman, terbitan DBP.

Dengan adanya penghargaan Hadiah Buku Terlaris ini dihasrat akan menggalakkan perkembangan penulisan, meningkatkan pertumbuhan industri perbukuan yang lebih kompetitif, meningkatkan kualiti penulisan dan penerbitan, menggalakkan penulis untuk mempromosi dan menjual buku masing-masing sekali gus mendukung dan memperkasa budaya membaca di negara ini.

## MMPB buka jalan untuk kreativiti belia



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada acara Malam Minggu Pusat Belia (MMPB) (atas). Sementara gambar kanan, suasana sekitar acara berkenaan yang berlangsung di Pekarangan Dais Diraja dan Walkway Padang Kompleks Kemasyarakatan Daerah Tutong.

**TUTONG**, Sabtu, 2 November. - Dengan membawakan tema 'Sung Dai Li Tutong', acara Malam Minggu Pusat Belia (MMPB) 2024 telah mencipta malam yang penuh inspirasi dan bersemangat bagi menarik orang ramai untuk berkunjung di Pekarangan Dais Diraja dan Walkway Padang Kompleks Kemasyarakatan Daerah Tutong, malam tadi.

Acara julung kali diadakan ini memberikan pentas baharu kepada belia untuk memberi impak kepada masyarakat dan penuh bersemangat sebagai pencetus

perubahan dan bukan sekadar hiburan tetapi juga platform bagi belia negara untuk menonjolkan kreativiti dan keupayaan dalam seni, sukan, hiburan dan keusahawanan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Timbalan Presiden MMPB, Dayang Aeta Naqiah selaku Pengerusi Bersama dalam ucapan berkata bahawa acara kali ini

penuh cabaran dari segi lokasi terbuka, pencahayaan yang terhad dan cuaca yang tidak menentu. Namun, semangat tinggi dan komitmen yang ditunjukkan oleh penganjur muda memastikan acara ini berjalan lancar.

"Kami bukan sekadar menganjurkan acara tetapi mencipta platform perubahan untuk belia negara. Sambutan yang diterima sangat memberangsangkan dan menjadi bukti bahawa impian belia untuk menyumbang kepada negara semakin nyata," katanya.

Antara aktiviti yang menarik perhatian pengunjung ialah Senam Pound yang berjaya mengumpulkan lebih 70 peserta, Senam Tabata, senamrobik dan permainan Beyblade. Terdapat juga latihan Grassroot dari BeeChamp FC dan Pameran Reptile yang menghiburkan pelbagai peringkat umur.

Satu lagi daya tarikan utama ialah pembelajaran Pertolongan Cemas menggunakan teknologi VR oleh MAED dan rakan kongsinnya, Rumine, yang memberikan peluang kepada pengunjung untuk mempelajari kemahiran keselamatan secara realistik dan interaktif.

Selain itu, Creative Entertainment menghubungkan para belia dengan artis tempatan, manakala Creative Arts menampilkan pelukis muda berbakat berumur 12 tahun ke atas yang mempamerkan karya seni mereka sendiri.

Pelbagai pameran kesedaran keselamatan oleh Pemoda, persembahan oleh Tim Skater Tutong dan Demonstrasi Bone Setting oleh belia tempatan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Alishahrin Haji Mumin



menambahkan lagi kepelbagaian acara. Penyertaan dari Radio Televisyen Brunei (RTB) melalui Program Brunei Siuk turut membantu mempromosikan dan memperkukuhkan kehadiran acara ini dalam kalangan masyarakat.

Kejayaan malam ini mencerminkan tekad kolektif dan usaha sukarelawan belia untuk memacu perubahan yang positif dan memberi sumbangan yang bermakna kepada Wawasan Brunei 2035. MMPB terus menjadi ruang untuk para belia meneroka, mencipta dan menyumbang ke arah negara yang lebih baik.

Diharapkan semangat ini akan terus berkembang untuk memberi

peluang lebih besar kepada belia dalam membangun negara ke arah masa depan yang lebih cerah.

Acara ini merupakan anjuran bersama oleh Jabatan Daerah Tutong dan Jabatan Belia dan Sukan Daerah Tutong, dengan sokongan rakan strategik seperti Cosmopolitan College dan Makan Ceria Sdn. Bhd. dan Tim VFast bertindak selaku tim keselamatan dan kecemasan semasa acara diadakan.

Turut hadir, Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim; ketua-ketua jabatan kerajaan, Penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung di Daerah Tutong.



# PENTING KENALI FAKTOR RISIKO MENYUMBANG KEPADA PENYAKIT KARDIOVASKULAR



**YANG** Berhormat Menteri Kesihatan ketika berucap pada Mesyuarat Saintifik Tahunan Ke-11 bagi Persatuan Jantung Negara Brunei Darussalam.

yang didiagnosis sebagai kardiovaskular berkaitan tahun lepas.

Oleh itu, Yang Berhormat mengingatkan adalah penting untuk mengenali pelbagai faktor risiko menyumbang kepada penyakit kardiovaskular, termasuk faktor tingkah laku seperti penggunaan tembakau, amalan pemakanan yang tidak sihat yang melibatkan penggunaan lemak dan garam yang berlebihan dan gaya hidup yang tidak aktif.

Faktor risiko lain termasuk obesiti, tekanan darah tinggi, kolesterol tahap tinggi dan diabetes dan semuanya, tambah Yang Berhormat boleh dicegah atau

**Oleh : Nooratihi Haji Abas**  
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

diurus apabila dikesan lebih awal.

Dalam pada itu, pihak kerajaan melalui Kementerian Kesihatan katanya, terus memberi penekanan yang kuat mengenai penyakit tidak berjangkit (NCD) dan penyakit jantung yang merupakan salah satu bidang tumpuan utama dalam strategi negara kita.

"Inisiatif berterusan kami bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup yang lebih sihat, menggalakkan pengesanan awal, dan memastikan akses kepada rawatan perubatan terkini.

"Dedikasi dan kerjasama antara profesional penjagaan kesihatan, penyelidik, dan penggubal dasar akan menjadi kunci untuk mencapai matlamat jangka panjang kami dalam mengurangkan kesan daripada penyakit kardiovaskular pada penduduk kita," ujar Yang Berhormat lagi.

## >> Muka 1

Pada tahun 2023, penyakit kardiovaskular tegas Yang Berhormat lagi adalah punca utama kematian di Negara Brunei Darussalam, di mana sebanyak 520 kematian disebabkan oleh penyakit kardiovaskular dengan 31 peratus daripada mereka adalah kematian pramatang, manakala lebih daripada 13,000 kes

## Mesyuarat kongsi kemajuan terkini tentang rawatan jantung



**YANG** Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Mesyuarat Saintifik Tahunan Ke-11 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Darussalam pagi tadi mengadakan Mesyuarat Saintifik Tahunan Ke-11 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Tema tahun ini ialah 'Setiap Hari Kardiologi' (Everyday Cardiology), dengan tujuan untuk mengumpulkan ahli kardiologi, penyelidik dan profesional penjagaan kesihatan terkemuka dalam berkongsi kemajuan terkini tentang kesihatan dan rawatan jantung.

Hadir selaku tetamu kehormat pada mesyuarat tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Mesyuarat itu diisikan dengan ucapan daripada Presiden Persatuan Jantung Brunei Darussalam, Dr. Nadzir Juanda yang dalam ucapan alu-aluannya antara lain menyatakan ini merupakan peluang yang sangat baik untuk mereka semua dalam mengukuhkan kerjasama dan perkongsian mereka di samping untuk berkongsi pengalaman, pengetahuan dan pandangan mereka tentang kemajuan dalam penjagaan jantung.

Ini diikuti dengan ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan kemudiannya disusuli dengan pelancaran logo Persatuan Jantung Brunei yang baharu.

Pada mesyuarat ini



**DR. Nadzir Juanda** semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya (kiri). Manakala gambar kanan, antara pembentang menyampaikan pembentangnya.



**BERAKAS**, Ahad, 3 November. - Mesyuarat Saintifik Tahunan Ke-11 bertujuan untuk mengemaskini perkembangan terkini dalam Kardiologi yang berkaitan dengan pencegahan dan rawatan jantung

selain mengurangkan kematian serta memberi impak yang bermakna kepada kesihatan dan kesejahteraan masyarakat.

Sehubungan dengan itu, Persatuan Jantung Brunei

## Langkah sepadu semua peringkat cegah, kawal NCD

**Oleh : Nooratihi Haji Abas**

**BERAKAS**, Ahad, 3 November. - Pencegahan dan kawalan penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti penyakit kardiovaskular, memerlukan langkah bersepadu dari semua peringkat, terutamanya daripada aspek dasar, sistem kesihatan, tindakan masyarakat di negara ini dan setiap tingkah laku individu.

Perkara itu ditekankan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar pada Mesyuarat Saintifik Tahunan Ke-11 bagi Persatuan Jantung Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Yang Berhormat menjelaskan Pelan Tindakan Pelbagai Sektor Brunei Darussalam untuk Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Tidak Berjangkit (BruMAP-NCD) 2021-2025, bertujuan untuk mengurangkan risiko kematian antara umur 30 dan 69 tahun daripada penyakit kardiovaskular, kanser, kencing manis dan penyakit pernafasan kronik sebanyak 10 peratus menjelang 2025.

Justeru itu, satu lagi inisiatif, iaitu 'Penilaian Indeks' dan Risiko Kesihatan, katanya, menggalakkan orang ramai menilai status kesihatan mereka dan menjalani pemeriksaan kesihatan untuk pengesanan awal faktor risiko tingkah laku dan penyakit tidak berjangkit, termasuk syarat kardiovaskular.

Pengesanan awal melalui pemeriksaan kesihatan, tambah Yang Berhormat, memudahkan rawatan tepat pada masanya dan membantu mencegah berkaitan komplikasi, di mana dengan memasukkan maklumat ini dan menjalani penilaian singkat, pengguna boleh menerima anggaran profil risiko kardiovaskular mereka dan pengambilan langkah proaktif ke arah pencegahan.

Menurut Yang Berhormat, pengesanan awal faktor risiko kardiovaskular membolehkan campur tangan tepat pada masanya, seperti perubahan gaya hidup dan rawatan perubatan, untuk membendung perkembangan penyakit kardiovaskular.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, ciri pemeriksaan risiko BruHealth juga memudahkan pengumpulan data tanpa nama di skala yang lebih besar.

Data agregat ini boleh menyumbang kepada inisiatif penyelidikan yang berharga bertujuan untuk meningkatkan pemahaman tentang penyakit kardiovaskular, risiko penapisan model penilaian dan membangunkan lebih berkesan strategi pencegahan.

Katanya lagi, ia adalah melalui kerjasama usaha pengguna dan profesional penjagaan kesihatan yang boleh membuat langkah penting mereka dalam memerangi penyakit kardiovaskular pada skala yang lebih luas.

"Pada masa yang sama, kita mesti mengakui ketegangan kes-kes penyakit jantung yang semakin meningkat ini memberi kesan kepada sistem penjagaan kesihatan kita.

Pada masa ini, nisbah pakar kardiologi kepada penduduk di Negara Brunei Darussalam berada pada kira-kira satu pakar kardiologi bagi setiap 37,500 orang yang nampaknya hampir sedikit dengan nisbah di United Kingdom, dengan satu pakar kardiologi bagi setiap 33,000 orang berbanding negara maju lain seperti negara EU dengan purata satu pakar kardiologi bagi setiap 10,000 orang dan Amerika Syarikat dengan satu pakar kardiologi untuk setiap 7,000 orang ramai.

"Walaupun kita bertuah kerana telah berdedikasi dan pakar kardiologi mahir di negara kita, permintaan untuk perkhidmatan mereka berkembang pesat. Ini menekankan kepentingan melabur dalam kedua-dua pengambilan dan latihan lebih ramai pakar kardiologi dan pakar jantung," ucap Yang Berhormat.

Oleh itu, Yang Berhormat menggariskan salah satu langkah paling kritikal yang boleh merapatkannya jurang ini adalah untuk memberi tumpuan kepada latihan dan pembangunan profesional penjagaan kesihatan mereka.

Malahan menurutnya, bukan sahaja termasuk doktor tetapi juga jururawat dan profesional kesihatan bersekutu yang memainkan peranan penting dalam penjagaan pesakit kardiovaskular.

dimuatkan dengan sesi plenari daripada pakar-pakar terkenal termasuk penceramah - penceramah tempatan dan antarabangsa, dalam

membentangkan mengenai topik AI - Kecerdasan Buatan dalam Perubatan Kardiovaskular daripada Ramalan kepada Transformasi Penjagaan Pesakit.



**SEBAHAGIAN** daripada yang hadir pada mesyuarat berkenaan.



# HARGAI, RAIKAN JASA PELADANG, PETANI, PENTERNAK DAN NELAYAN



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 2 November. - Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan ringkasnya HPPPN disambut pada 1 November setiap tahun dan ia diselenggarakan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bersama Jabatan Perikanan setelah diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa

baginda merasmikan Ekspo Pertanian dan Agrimakanan 2009, pada 19 November 2009.

Ia bertujuan bagi mengenang jasa para peladang, petani, penternak dan nelayan dalam peranan mereka selaku penjana makanan bagi negara ini dan pembangunan ekonomi.

Pada tahun ini, memandangkan 1 November jatuh pada Jumaat, maka Sambutan HPPPN Kali Ke-14, mula diadakan pada Sabtu,

**YANG** Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa meninjau Pasar Kitani pada Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan (HPPPN) Kali Ke-14.

2 November hingga Isnin, 4 November 2024, bertempat di Pasar Kitani Pusat Agribisnes, Rimba Gadong dengan bertemakan 'Memperkasa Produk Tambah Nilai, Pemacu Ekonomi Negara'.

Objektif Sambutan HPPPN kali ini ialah untuk menghargai dan meraikan sumbangan dan jasa para peladang, petani, penternak dan nelayan di negara ini yang telah banyak berkorban, bekerja keras dan komited di dalam memastikan sekuriti makanan negara adalah tercapai.

Ia merupakan satu platform bagi kerajaan dan orang ramai menunjukkan penghargaan dan menyokong komitmen mereka ini sebagai penyumbang kepada bekalan makanan negara dan sebagai penyumbang kepada ekonomi negara.

Untuk sambutan tahun ini, beberapa acara telah diaturkan bermula dengan Majlis Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil, Membaca Doa

Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang akan diadakan pada Khamis, 31 Oktober 2024 di Masjid Pengiran Muda Abdul Mateen, Kampung Mulaut.

Majlis ini akan melibatkan jemaah yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama para peladang, petani, penternak dan nelayan negara ini.

Seterusnya, selama tiga hari bermula Sabtu, 2 November hingga Isnin, 4 November 2024, Pasar Kitani sempena HPPPN akan berlangsung di Pusat Agribisnes, Rimba Gadong.

Hadir bagi meninjau Pasar Kitani tersebut ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiati binti Haji Abdul Wahab.

Manakala pada Selasa, 5 November, merupakan acara kemuncak Sambutan HPPPN tahun ini akan diadakan satu majlis iaitu Majlis Malam Penghargaan HPPPN yang akan berlangsung di Damai Ballroom, Aman Hills Hotel.

Jualan besar - besaran merupakan aktiviti utama yang diadakan selama tiga hari tersebut.

Jualan ini adalah bagi mengetengahkan lagi produk

keluaran tempatan dari industri pertanian, perikanan, penternakan dan agrimakanan.

Selain itu, terdapat juga aktiviti harian yang disediakan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, seperti pameran, sesi taklimat, pertandingan meneka berat barang, pertandingan secara berkumpulan menjalin kelupis, kuiz, sesi tunjuk cara memproses ais krim dari buah-buahan dan lain-lain lagi.

Jabatan mengharapkan orang ramai dan para penuntut sekolah dan institusi tinggi akan datang berkunjung dan menyokong Sambutan HPPPN, khususnya untuk meraikan para peladang, petani, penternak dan nelayan *kitani* dengan mengenali dan membeli hasil-hasil dan produk-produk jualan tempatan sepanjang acara tersebut sambil mengetahui lagi segala usaha dan kegiatan peladang, petani, penternak dan nelayan di sektor pertanian, agrimakanan dan perikanan dalam mempertingkatkan lagi hasil keluaran yang menyumbang kepada sekuriti makanan serta ekonomi negara *kitani*.

Datanglah dan kunjungi HPPPN Kali Ke-14 pada 2, 3 dan 4 November 2024 di Pusat Agribisnes Rimba, Gadong dan masuk adalah percuma.

Untuk mendapat maklumat terkini layari Instagram @agriculture.gov.bn.

## Ahmad Termizie, Dayangku Alya Syahirah juara Musabaqah Tilawah Al-Quran

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



**YANG** Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (atas dan atas kanan). Manakala gambar bawah kanan, antara peserta musabaqah yang memperdengarkan bacaan.

**MANGGIS / MADANG,** Sabtu, 2 November. - Awang Ahmad Termizie bin Ahmad Baihakie wakil daripada Surau Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Sultan Saiful Rijal berjaya menewaskan enam qari lain setelah mendapat markah 95.75 peratus dan dinobatkan juara Musabaqah Tilawah Al-Quran bagi Kategori Lelaki pada pertandingan yang berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, hari ini.

Juara sekali gus menewaskan qari tuan rumah, Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, Awang Abdul Qawiyel Azeez bin Haji Abd. Rajid di tempat kedua dan ketiga pula dimenangi oleh wakil Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkihah, Kampung Sungai Akar, Awang Abdul Muin bin Haji Abd. Hamid.

Sementara Kategori Perempuan pula, wakil peserta qariah Masjid Mohamed Bolkihah, Kampung Serusop berjaya mengungguli

mata tertinggi dengan 86.75 peratus.

Dayangku Alya Syahirah binti Pengiran Haji Jofri memintas markah Dayang Nureen binti Mohd. Sallih dan Dayang Nur' Hidayatul Adibah binti Mohd. Yussof mewakili Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkihah, Sungai Akar, masing-masing memenangi di tempat kedua dan ketiga bagi kategori tersebut.

Juara berjaya membawa pulang hadiah wang tunai BND200, naib juara dan pemenang ketiga, masing-masing membawa pulang wang tunai BND150 dan BND100 serta piala iringan dan sijil penyertaan.

Jemaah hakim pertandingan antara lain menyatakan para peserta musabaqah mampu menyampaikan bacaan dengan begitu sangat baik termasuk dalam menjaga hukum tajwid dan menambah baik lagi usaha dalam mempertingkatkan bacaan Al-Quran secara bertaruman dan ke peringkat antarabangsa.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang di sini ialah Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Musabaqah Tilawah Al-Quran anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid bersempena Ulang Tahun Penubuhan Ke-10 Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.





# AHLI-AHLI MMN TINJAU BEBERAPA LOKASI PELANCONGAN DI DAERAH BELAIT



**YANG** Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa mengadakan siri lawatan ketiga dan terakhir di Daerah Belait (atas dan kanan).



**Oleh :** Nooratini Haji Abas  
**Foto :** Alishahrin Haji Mumin

**BELAIT**, Sabtu, 2 November. - Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), pagi tadi membuat lawatan ke beberapa lokasi pelancongan di daerah ini sebagai lanjutan dari siri lawatan kedua yang telah diadakan pada Khamis, 17 Oktober 2024 yang lalu.

Lawatan ini merupakan siri lawatan ketiga dan terakhir yang bertujuan menyampaikan misi untuk mengangkat Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan utama yang memelihara warisan budaya dan semula jadi, selaras dengan prinsip-prinsip kelestarian, di samping membudayakan sektor pelancongan yang menyumbang secara signifikan kepada pembangunan sosioekonomi negara.

Turut menyertai lawatan tersebut ialah Timbalan-timbalan

Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Awang Haji Mohammad Yusree bin Haji Junaidi dan Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim serta Pegawai-pegawai Kanan KSSUP.

Lawatan rombongan Ahli-ahli Yang Berhormat dimulakan di Pusat Biodiversiti Hutan Tropika yang bertempat di Kampung Sungai Lumut, Belait.

Pusat ini memainkan peranan penting dalam memelihara kekayaan biodiversiti negara, bukan sahaja sebagai hab pemuliharaan tetapi juga sebagai sumber utama untuk menyebarkan maklumat tentang kepelbagaian ekosistem di rantau ini.

Pusat ini terlibat secara aktif dalam usaha penyelidikan dan pendidikan serta memastikan orang awam dan komuniti saintifik mendapat akses kepada pengetahuan berharga tentang keunikan flora dan fauna Negara Brunei Darussalam.

Rombongan Ahli-ahli Yang Berhormat seterusnya melawat Syarikat Pertanian Tropikal Utama (Labi Coffee Farm), Kampung Rampayoh, Mukim Labi. Ladang kopi tersebut mempunyai 18,000 pokok kopi jenis Arabica dan Robusta dan mempunyai keluasan lebih sembilan hektar.

Lawatan diteruskan lagi ke Rumah Panjang Teraja, Labi, di mana Rumah Panjang ini adalah sebuah rumah komuniti etnik Iban yang terletak di penghujung Jalan Labi, dan kalangan komuniti ini juga ada menyediakan perkhidmatan pemandu pelancong bagi aktiviti merentas hutan yang mana laluan tersebut akan membawa para pengunjung ke Wasai Teraja.

Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP) telah membuat perancangan untuk membangunkan jambatan kecil menuju ke Wasai Teraja dan Wasai Belulok di bawah projek

Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-11 yang mana rombongan Ahli-ahli Yang Berhormat turut membuat lawatan ke tapak projek berkenaan.

Sejurus itu, rombongan Ahli-ahli Yang Berhormat seterusnya melawat Rumah Panjang Mendaram Besar, Labi. Komuniti di Rumah Panjang ini memperkenalkan budaya etnik Iban termasuk mengetengahkan hasil anyaman dan kraf tangan.

Dari Rumah Panjang Mendaram Besar, lawatan diteruskan ke Taman Rekreasi Hutan Luagan Lalak, Labi. Taman Rekreasi ini merupakan sebuah tempat riadah alam semula jadi dan juga tempat penerokaan pelbagai spesies flora dan fauna, dan pelbagai jenis burung di Mukim Labi.

JKP telah menaik taraf infrastruktur *walkway* dan pondok riadah sebanyak tiga fasa di bawah RKN Ke-11.

Lawatan berakhir di Herbarium Negara di Pusat Perhutanan Sungai Liang, Labi. Herbarium Negara ini merupakan tempat penyimpanan koleksi spesimen tumbuh-tumbuhan kering yang terdiri daripada spesies pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan herba yang terdapat di negara ini.

Sehingga ini Herbarium Negara telah menyimpan sebanyak lebih kurang 47 ribu koleksi tumbuh-tumbuhan.

Ia berperanan sebagai pusat rujukan penting bagi biodiversiti hutan negara, khususnya tumbuh-tumbuhan dan juga merupakan pusat ilmiah, pengajian dan penyelidikan spesies hutan-hutan negara yang sering dimanfaatkan dan dijadikan sebagai sumber rujukan oleh para graduan, pensyarah dan penyelidik serta saintis dari dalam dan luar negara.

## Awang Muhammad Nor Andy calon tunggal Ketua Kampung Batu Marang



**SEKITAR** Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Batu Marang, Mukim Mentiri. Hadir sama menyaksikan pengundian dan penilaian berkenaan, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas dan atas kanan).

**Oleh :** Rohani Haji Abdul Hamid  
**Foto :** Alishahrin Haji Mumin

**BATU MARANG**, Ahad, 3 November. - Awang Muhammad Nor Andy bin Haji Mohd Said, 35 tahun (berusia 34 tahun semasa tarikh pengiklanan jawatan ditutup pada 14 Oktober 2023), dan merupakan calon tunggal yang layak dibawa ke Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Batu Marang, Mukim Mentiri.

Beliau menetap di Kampung Mentiri sejak lahir dan memperoleh kelulusan 1 'A' Level dalam peperiksaan Brunei-Cambridge G.C.E 'A', 2009. Pada ketika ini, beliau berkhidmat di Kementerian Kesihatan sebagai Penjaga Dobi Tingkat I.

Pencalonan beliau dicadangkan oleh Pengarah Haji Abdul Rahman dan disokong oleh Haji Gani bin

Haji Kula selaku penyokong pertama, manakala Dayang Esmah binti Rasming pula selaku penyokong kedua.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung berkenaan berlangsung di Sekolah Agama Kampung Batu Marang, Mukim Mentiri bermula dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Pada Majlis Pengundian dan Pemilihan berkenaan, Awang Muhammad Nor Andy telah mendapat undian sebanyak 111



undi setuju, sementara 17 undi tidak setuju, manakala tiga undi rosak.

Hadir sama menyaksikan pengundian dan penilaian berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, yang juga Ketua Kampung Subok, Mukim Kota Batu selaku Pengerusi Bersama Majlis.

Turut hadir ialah Pemangku Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Md. Khairul Sirajul Fikri bin Haji Jamaluddin selaku Pengerusi Majlis.

Majlis Pengundian dan

Pemilihan Calon Ketua Kampung Batu Marang, Mukim Mentiri berkenaan menggunakan dua kaedah, iaitu secara *ballotpapers* pada hari ini dan melalui kaedah secara dalam talian (*online*) menggunakan Aplikasi e-Undi PMKK mulai pada 1 hingga 3 November 2024.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung akan dihadapkan kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) bagi proses selanjutnya.



# دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَائِكَةِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْئِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.



# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسي

## (صلوات تفرجية)

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَئُوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقْدَ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبَ، وَتَقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجَ، وَتُنَالُ بِهٖ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَكَ.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّى لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِىْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِبِعْمَتِكَ عَلٰى وَاَبُوْءُ بِذَنْبِىْ، فَاغْفِرْ لِىْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

**Peringatan :**  
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. *ولا يئوده حفظهما وهو العلي العظيم* Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

**Maksudnya :**  
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).  
**Penerangannya :**  
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

**Maksudnya :**  
"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".  
**Fadilatnya :**  
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد فثعملن ( تولق بلاء)

(3) بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ  
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

**Penerangan :**  
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

**Penerangan :**  
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

**Penerangan :**  
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

**Penerangan :**  
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَاُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

**Penerangan :**  
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.





## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Tawaran :**  
MINDEF / DFA / FY2024 /  
LB / TA / 038  
Pembaikan dan Kerja-Kerja  
Baik Pulih Bagi 14 Unit  
Kenderaan Ambulance  
Kepunyaan Unit-Unit  
Angkatan Bersenjata  
Diraja Brunei

**Yuran Tawaran :**  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi  
pembelian Borang Tawaran  
adalah satu (1) minggu  
sebelum tarikh  
tutup tawaran,  
iaitu Selasa,  
12 November 2024.

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
19 November 2024.  
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-  
SUMBER UTAMA DAN  
PELANCONGAN

**Bilangan Sebut Harga:**  
IKAN / 78(Q) / 0037 / 2024

**Tajuk Sebut Harga:**  
"Technical Services On  
Consultancy Work For  
Laboratory Accreditation To ISO /  
LEC 17025:2017  
– General Requirement  
For The Competence  
Of Testing And Calibration  
Of Polymerase Chain Reaction  
(PCR) Laboratory Of  
Aquatic Animal Health  
Laboratory Services Centre,  
Department Of Fisheries"

**Tarikh Tutup :**  
Khamis,  
21 November 2024.  
Jam 2.00  
Petang.

KEMENTERIAN SUMBER-  
SUMBER UTAMA DAN  
PELANCONGAN

**1. Bilangan Sebut Harga :**  
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 09  
/ 2024 - 2025

**Tajuk Sebut Harga :**  
"To Supply And Deliver New  
Chairs, Chair Trolleys And Tables  
For Dewan Setia Pahlawan,  
Ministry Of Primary Resources  
And Tourism."

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
21 November 2024, Khamis.  
Jam 2.00 Petang.

**2. Bilangan Sebut Harga :**  
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 10  
/ 2024 - 2025

**Tajuk Sebut Harga :**  
"Provision Of Supply, Removal  
And Installation Of Roofing Work  
And Other Related Works  
At Ministry Of Primary Resources  
And Tourism Building."

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
21 November 2024, Khamis.  
Jam 2.00 Petang.

**Tarikh Taklimat:**  
12 November 2024, Selasa.  
Jam 9.00 Pagi.

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga:**  
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)  
Pembayaran Adalah Secara  
Dalam Talian

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Sebut Harga:**  
04 / KKBS / HK41 - 2025

**Tajuk Sebut Harga:**  
Membekal Kain Rentang  
Sambutan Ulang Tahun Hari  
Kebangsaan Negara Brunei  
Darussalam Yang Ke-41,  
Tahun 2025

**Tarikh Tutup :**  
Khamis,  
21 November 2024.  
Jam 2.00 Petang.

JABATAN BANDARAN  
KUALA BELAIT DAN SETIA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI

**1. Keterangan Projek:**  
Supply And Delivery Inkjet Printer  
& Accessories For Bahagian  
Kemajuan & Pengurusan  
Aset Jabatan Bandaran  
Kuala Belait and Setia

**Bilangan Tawaran:**  
03 / BBS / 7 / 754

**2. Keterangan Projek:**  
Supply and Delivery  
Customerize TV Stand  
For Johan Pahlawan  
Meeting Room At  
Jabatan Bandaran  
Kuala Belait and Setia,  
Jalan Mckerron  
Kuala Belait

**Bilangan Tawaran:**  
08 / BBS / SH /  
2024 - 2025 J.1

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00  
(Non-Refundable)

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
19 November 2024.  
Jam 2.00  
Petang.

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Sebut Harga:**  
03 / KKBS / HK41 - 2025.

**Tajuk Sebut Harga:**  
Supply, Install  
And Dismantle  
Of New Lamp Post  
Banner In Conjunction  
With 41th  
Brunei Darussalam  
National Day Celebration,  
2025.

**Tarikh Tutup :**  
Khamis,  
28 November 2024.  
Jam 2.00  
Petang.

JABATAN ADAT  
ISTIADAT NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan Sebut Harga :**  
JAIN / 2 / 2019 - 2024 (01)

**Tajuk Tawaran :**  
Pembelian dan Pembekalan  
Kenderaan Jenis Van  
Minima 9 Tempat Duduk  
untuk Jabatan Adat Istiadat  
Negara

**Tarikh Tutup / Jam:**  
19 November 2024 – Selasa.  
(2.00 Petang)

**Tempat Menghantar Tawaran:**  
Peti Lembaga Tawaran Kecil,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Jalan Perdana Menteri,  
Bandar Seri Begawan BB3913,  
Negara Brunei Darussalam.

JABATAN UKUR  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN

**JUA04 / 2024**  
Topographical Survey bagi  
Penyambungan Pembedungan  
Bagi Kg. Pandan,  
Mukim Kuala Belait

**Yuran Tawaran :**  
BND10.00

**JUA05 / 2024**  
Topographical Survey bagi  
Menaiktaraf Rangkaian Paip  
Sistem Vakum bagi  
RPN Kg. Lumut,  
Mukim Kuala Belait

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
12 November 2024.  
Jam 2.00 Petang.



## PERATURAN PENGIKLANAN

(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)  
DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)  
hendaklah dihantar dan diterima oleh  
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK  
kurang dari empat (4) minggu dan  
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari  
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan  
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah  
dibaca menggunakan **Microsoft Word**  
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang  
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar  
menggunakan **BAHASA MELAYU  
SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang  
berkaitan dan nyatakan apa-apa  
keperluan iklan berkenaan, seperti  
tarikh terbitan untuk diiklankan dan  
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah  
dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400**  
**sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA  
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI  
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.





**Universiti Brunei Darussalam**  
**WANG-WANG CAGARAN YANG BELUM DITUNTUT**

Adalah dimaklumkan kepada penyimpan-penyimpan wang cagaran bahawa masih terdapat wang cagaran bagi tawaran-tawaran Tahun 1995 hingga 2001 yang belum lagi dituntut. Penyimpan-penyimpan dikehendaki membuat tuntutan ke Bahagian Kewangan Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, Gadong BE 1410 semasa waktu bekerja iaitu pada hari Isnin hingga Jumaat.

Semasa membuat tuntutan penyimpan-penyimpan hendaklah menghadapkan surat tuntutan dan menyertakan resit asal berkenaan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pemberitahuan ini. Mana-mana wang cagaran yang masih tidak dituntut selepas dari tempoh yang ditetapkan akan dimasukkan ke dalam akaun hasil Kerajaan.

Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah menghubungi melalui email ke : finance@ubd.edu.bn

Senarai nama penender, bilangan resit dan jumlah wang cagaran bagi tahun 1995 hingga 2001 yang masih belum dituntut.

Tahun	Nama Syarikat	Nombor Resit	Jumlah
1995	RAZALEIQH RESTAURANT	1264274	\$ 1,000.00
1995	JESSAMINE CAKE HOUSE	1264275	\$ 500.00
1995	JATI OCE SDN BHD	1264278	\$ 300.00
1995	S.A. LE MARK DISTRIBUTOR SERVICES	1264287	\$ 300.00
1995	NADZITA ENTERPRISE	1264291	\$ 500.00
1995	CATHAY SCIENTIFIC INSTRUMENT CO.	1264296	\$ 200.00
1995	UNIVERSITY SHOP (B) SDN BHD	1264301	\$ 500.00
1995	SYARIKAT AJIDAH	1264326	\$ 500.00
1995	SALAMMAN SDN BHD	1264332	\$ 200.00
1995	DEEN RESTAURANT AND CATERING SERVICE	1264338	\$ 500.00
1995	STAR TRADING DISTRIBUTORS	1264363	\$ 500.00
1995	STP DIST.	1264364	\$ 500.00
1995	QA SYSTEM COMPUTER	1264421	\$ 500.00
1995	CATHAY SCIENTIFIC INSTRUMENT CO.	1264442	\$ 300.00
1995	CATHAY SCIENTIFIC INSTRUMENT CO.	1264469	\$ 100.00
1995	ARYADUTA SDN BHD	1264494	\$ 200.00
1995	HALIM SDN BHD	1264495	\$ 200.00
1995	PERUSAHAAN HJ AHMAD BIN ISMAIL & ANAK-ANAK	1264497	\$ 200.00
1995	NEW CLOTHESLINE SDN BHD	1264498	\$ 200.00
1995	SYARIKAT USAHA BAKANAIE	1264500	\$ 200.00
1995	L & N TRADING	1264504	\$ 100.00
1995	SYARIKAT DN & ANAK-ANAK	1264505	\$ 100.00
1995	SHINE GENERAL CONT.	1264511	\$ 100.00
1995	AL-BISSRAIN SDN BHD	1264512	\$ 100.00
1995	QA SYSTEM COMPUTER	1264558	\$ 100.00
1995	CHONG RADIO SERVICE	1264567	\$ 100.00
1995	QA SYSTEM COMPUTER	1264645	\$ 100.00
1995	AT & T.	1264658	\$ 100.00
1996	SAPOO	1264680	\$ 100.00
1996	PERUSAHAAN HJH MASKATUN BINI & ANAK-ANAK	1264684	\$ 100.00
1996	SYARIKAT HJ METUSOP JAPARUDIN & ANAK-ANAK	1264687	\$ 100.00
1996	ORBIT GENERAL CONST. CO.	1264689	\$ 100.00
1996	SYARIKAT MORNI	1264693	\$ 100.00
1996	YU'AZ FUTURE INDUSTRIAL SERVICES	1264696	\$ 100.00
1996	ATH NIAGABENA SDN BHD	1264720	\$ 200.00
1996	MEADOWLAND TRADING SDN BHD	1264772	\$ 100.00
1996	SDS SYSTEM (B) SDN BHD	1264791	\$ 100.00
1996	KBL ENTERPRISE	1264849	\$ 500.00
1996	UMMU SLAMAH ENTERPRISE	1264867	\$ 500.00
1996	DEEN RESTAURANT & CATERING	1264869	\$ 500.00
1996	ATH NIAGABENA SDN BHD	1264881	\$ 100.00
1996	AYBA TRADING CO.	1264926	\$ 100.00
1996	CAPITAL TRADERS	1264929	\$ 100.00
1996	NUSA-SETIA TRADING CO.	1264930	\$ 100.00
1996	MANGAL SINGH & SONS	1264934	\$ 100.00
1996	EDNA SV ENTERPRISE	1264935	\$ 100.00
1996	SURIA AZLAN ENTERPRISE	1264936	\$ 100.00
1996	SCS INFORMATION TECHNOLOGY SDN BHD	1264939	\$ 100.00
1996	FOLEC COMMUNICATION SDN BHD	1264964	\$ 100.00
1996	SYARIKAT SUNIYA INSAN	1264997	\$ 100.00
1996	ROYAL BRUNEI TECHNICAL SERVICES	1264999	\$ 100.00
1996	MEADOWLAND TRADING SDN BHD	2480035	\$ 100.00
1996	MEADOWLAND TRADING SDN BHD	2480061	\$ 100.00
1996	TZAS ENTERPRISE	2480171	\$ 100.00
1996	NURUL HAFIZ TECHNICAL SERVICES	2480172	\$ 100.00
1996	R.B. COMMS	2480182	\$ 100.00
1996	INTERSARE SECURITY & TRADING CO.	2480188	\$ 100.00

1996	INTERSARE SECURITY & TRADING CO.	2480188	\$ 100.00
1996	I.T. SYSTEM (B) SDN BHD	2480194	\$ 100.00
1997	AV ELECTRONICS	2480299	\$ 100.00
1997	AV ELECTRONICS	2480300	\$ 100.00
1997	PARAMOUNT SUPPLIERS	2480350	\$ 100.00
1997	BMA TRADING COMPANY	2480377	\$ 100.00
1997	ZULKADEER & COMPANY	2480379	\$ 100.00
1997	ATH MEDIC SDN BHD	2480384	\$ 100.00
1997	ARYADUTA SDN BHD	2480565	\$ 200.00
1997	MAHANI AJI ENTERPRISE	2480566	\$ 100.00
1997	HJ HASBI B. KHATIB ABDULLAH & ANAK2	2480568	\$ 200.00
1998	SY. HJ METUSOP JAPARUDDIN	2480740	\$ 100.00
1998	TUNAS HIJAU ENTERPRISE	2480760	\$ 100.00
1998	BINAMAS TRADING	2480761	\$ 100.00
1998	SYKT. HAMZAL DAN ANAK2	2480769	\$ 100.00
1998	OLVY COMPANY	2480771	\$ 100.00
1998	NADIA DEVELOPMENT CO.	2480773	\$ 100.00
1998	SYKT O.K. JAKIR DAN ANAK2	2480787	\$ 100.00
1998	SYKT. BAPA & ANAK2	2480789	\$ 100.00
1998	NURUL AIMAN TRADING CO.	2480792	\$ 100.00
1998	AV ELECTRONICS SDN BHD	2480832	\$ 100.00
1998	FASHION FURNITURES CONSTRUCTION CO.	2480834	\$ 100.00
1998	CATHAY SCIENTIFIC INSTRUMENT	2480842	\$ 100.00
1998	MORSJAYA ELECTRICAL CO SDN BHD	2480846	\$ 100.00
1998	KENANGAN SUBOH ENTERPRISE	2480847	\$ 100.00
1998	EDUTECH SDN BHD	2480853	\$ 100.00
1998	WIJAYA SPORTS	2480863	\$ 100.00
1998	MUFAKAT TRADING CO.	2480864	\$ 100.00
1998	BMA TRADING CO.	2480865	\$ 100.00
1998	GLAMOUR	2480877	\$ 100.00
1998	TRIPLE A ENTERPRISE	2480885	\$ 100.00
1998	SYKT. PG HJ MD YASSIN B. PG OTHMAN	2480886	\$ 100.00
1998	SYARIKAT HMZA	2480887	\$ 100.00
1998	SYKT MANEE DAN ANAK-ANAK	2480889	\$ 100.00
1998	NILAM BAIURI CAFÉ	2480891	\$ 100.00
1998	HAI HWANG TRADING CO.	2480893	\$ 100.00
1998	SYARIKAT HAMSAL DAN ANAK-ANAK	2480896	\$ 100.00
1998	SUNLIT ADVERTISING SDN BHD	2480916	\$ 100.00
1998	FASHION FURNITURE & CONSTRUCTION CO SDN BHD	2480962	\$ 100.00
1998	KENANGAN SUBOH ENTERPRISE	2480963	\$ 100.00
1998	FRANMIX SDN BHD	2480966	\$ 100.00
1998	MASPUTRA SDN BHD	2480991	\$ 100.00
1998	SYARIKAT NORJEAH	2480995	\$ 100.00
1998	SYARIKAT BUNGA SEMERBAK	2481004	\$ 100.00
1999	CATHAY SCIENTIFIC INSTRUMENT CO SDN BHD	2481339	\$ 100.00
1999	AL-HIDAYAH RESTORAN	2481346	\$ 200.00
1999	AL-IHSAN RESTAURANT	2481347	\$ 200.00
1999	NEW ISLAMIC RESTAURANT	2481349	\$ 200.00
1999	PRISMLITE ENTERPRISE CO.	2481360	\$ 2,000.00
1999	APPLIED PROGRAMMING AUTOMATION PRODUCTS	2481361	\$ 2,000.00
1999	ACCENDO TECHNOLOGIES SDN BHD	2481362	\$ 2,000.00
1999	SYARIKAT INAI	2481367	\$ 200.00
1999	SYARIKAT INAI	2481368	\$ 200.00
1999	SYARIKAT INDAH SEJAHTERA DEVELOPMENT & SERVICES	2481370	\$ 2,000.00
1999	SYARIKAT YANAM & ANAK-ANAK	2481373	\$ 200.00
1999	RESTORAN SURAINA	2481378	\$ 200.00
1999	RESTORAN SURAINA	2481379	\$ 200.00
1999	RESTORAN ISMAHANA	2481398	\$ 200.00
1999	PERKHIDMATAN REKREASI COC	2481403	\$ 200.00
1999	PERKHIDMATAN REKREASI COC	2481404	\$ 200.00
1999	RESTORAN AMINAH ARIF	2481405	\$ 200.00
1999	QUMASURIA ENTERPRISE	2481410	\$ 200.00
1999	STAR TRADING PRINTING SDN BHD	2481425	\$ 100.00
1999	AEC ENGINEERING CO	2481431	\$ 100.00
1999	MAHANI AJI ENTERPRISE	2481522	\$ 100.00
1999	PERUSAHAAN BNB	2481539	\$ 200.00
1999	FAH DIN ENTERPRISE	2481545	\$ 500.00
1999	LAU YIN KEE SANITARY & PLUMBING	2481619	\$ 100.00
1999	USJ ENGINEERING & SERVICES	2481620	\$ 100.00
1999	DAIKYO INDUSTRIAL GAS SDN BHD	2481623	\$ 100.00
1999	SYARIKAT NOR AWAN SDN BHD	2481651	\$ 100.00



>> Muka 15

1999	DONNA NURSERY	2481653	\$	100.00
1999	KEMAJUAN JATI BUILDTRENT (B) SDN BHD	2481655	\$	100.00
2000	C.H.K MOTORS SDN BHD	2481984	\$	100.00
2000	INDEEM SERVICES SDN BHD	2481985	\$	100.00
2000	NBT (BRUNEI) SDN BHD	2481986	\$	100.00
2000	JATI TRANSPORT SDN BHD	2481990	\$	100.00
2000	PETREL JAYA SDN BHD	4344010	\$	100.00
2000	KOSI (B) SDN BHD	4344015	\$	100.00
2000	MEDICON MARKETING	4344016	\$	100.00
2000	CATHAY SCIENTIFIC INSTRUMENT CO SDN BHD	4344017	\$	100.00
2000	MC-QUIPP TECHNICAL MARKETING SDN BHD	4344018	\$	100.00
2000	BORNEO UNITED ENTERPRISE SDM BHD	4344057	\$	2,000.00
2000	HARLIZA ENTERPRISE	4344061	\$	100.00
2000	ISS THOMAS COWAN SDN BHD	4344063	\$	2,000.00
2000	ARZA TRADING SDN BHD	4344068	\$	100.00
2000	KENANGAN SUBUH ENTERPRISE	4344069	\$	100.00
2000	PUJA CONSTRUCTION CO SDN BHD	4344071	\$	2,000.00
2000	KOSI (B) SDN BHD	4344078	\$	100.00
2001	MOTHERLAND CONSUMER CO	4344206	\$	100.00
2001	COURT. FURNISHING & CONSTRUCTION SDN BHD	4344208	\$	100.00
2001	SHINE CONTRACTOR SDN BHD	4344209	\$	100.00
2001	ATY ENTERPRISE	4344215	\$	100.00
2001	SYARIKAT SERI ASRAMI	4344218	\$	100.00
2001	SEARAY BUILDING MATERIALS SUPPLIERS SDN BHD	4344221	\$	100.00
2001	MAKMUR ABADI RESTAURANT	4344244	\$	100.00
2001	ASMALIZAH TRADING COMPANY	4344247	\$	100.00
2001	FATHUL RAZAK RESTAURANT & CATERING SERVICES	4344250	\$	100.00
2001	NORHAMIZA RESTAURANT & CATERING SERVICES	4344251	\$	100.00
2001	RESTORAN RAUDATI	4344253	\$	100.00
2001	UNIRANGEMATIC OFFICE AUTOMATION SUPPLIES CO	4344257	\$	100.00
2001	CHONG RADIO SERVICE SDN BHD	4344266	\$	100.00
2001	EDWAT BUSINESS SYSTEM	4344270	\$	100.00
2001	KOSI (B) SDN BHD	4344271	\$	100.00
2001	KOSI (B) SDN BHD	4344272	\$	100.00
2001	B.S.SYSCOM (B) SDN BHD	4344274	\$	100.00
2001	SYARIKAT PEMASARAN TASAMUL BHD	4344280	\$	100.00
2001	KOSI (B) SDN BHD	4344282	\$	100.00
2001	INTERHOUSE COMPANY	4344284	\$	100.00
2001	ABBASLY PAPER MARKETING SDN BHD	4344286	\$	100.00
2001	JAC MARKETING & SERVICES	4344289	\$	100.00
2001	MENARA ELECTRICAL & ENGINEERING SDN BHD	4344291	\$	100.00
2001	AT&S CONTRACTOR	4344292	\$	100.00
2001	BUILDING ENGINEERING SERVICES TECHNOLOGY	4344294	\$	100.00
2001	SYARIKAT JURUTERA PMM	4344295	\$	100.00
2001	SYARIKAT HAKMAH JAYA	4344299	\$	100.00
2001	SYARIKAT AWG MOHAMAD MOITIR & ANAK-ANAK	4344300	\$	100.00
2001	NEW UNITY TECHNOLOGY SDN BHD	4344301	\$	100.00
2001	INDECO SERVICES SDN BHD	4344303	\$	100.00
2001	HALIM SDN BHD	4344304	\$	100.00
2001	ZOHAL ENTERPRISE	4344314	\$	100.00
2001	HMYC SDN BHD	4344319	\$	100.00
2001	DHJ ELECTRICAL ENGINEERING SDN BHD	4344324	\$	100.00
2001	TING SII KING ENGINEERING SDN BHD	4344329	\$	100.00
2001	BEC SDN BHD	4344332	\$	100.00
2001	AMD BUILDERS	4344354	\$	100.00
2001	SYARIKAT SERIBU SDN BHD	4344356	\$	100.00
2001	SYARIKAT SERIBU SDN BHD	4344357	\$	100.00
2001	HJ ZAIDI ENTERPRISE	4344361	\$	100.00
2001	ABD KHALID LATIF GENERAL CONTRACTORS	4344362	\$	100.00
2001	BORNEO UNITED ENTERPRISE SDN BHD	4344367	\$	100.00
2001	BORNEO UNITED ENTERPRISE SDN BHD	4344368	\$	100.00
2001	ATY ENTERPRISE	4344369	\$	100.00
2001	AT&S CONTRACTOR	4344370	\$	100.00
2001	FAZLAN SDN BHD	4344374	\$	100.00
2001	JANUDIN COMPANY	4344377	\$	100.00
2001	SITI SALMI HJ AHMAD ENTERPRISE	4344378	\$	100.00
2001	MEGA TRADE MARKETING	4344380	\$	200.00
2001	FOLEC COMMUNICATION	4344385	\$	200.00
2001	PETRAL JAYA SDN BHD	4344386	\$	200.00
2001	ADVANCE SYSTEM TECH NO. COMM SDN BHD	4344388	\$	200.00
2001	FAZLAN SDN BHD	4344389	\$	100.00

**IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

**PERINGATAN PENTING**

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

1. Lengkapi Profil PSCR 2.0 ([WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN))
2. Lengkapi Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Sijil transkrip dan pengiraan Paji Kebangsaan Pengiraan Kelulusan (PKPK) yang berkenaan)
4. Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapi Maklumat (Jurus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)

+673 7371961
 PSC.BN
 query@spa.gov.bn

Talian Whatsapp  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

PSC.BN

**TAKLIMAT**

**Panduan Memohon Jawatan Kosong Menggunakan PSCR 2.0**

**SILA DAFTAR SEKARANG**

**26 OKTOBER 2024, HARI SABTU**

**9.00 PAGI/ 2.00 PETANG**

**DEWAN TKT 1, WING A, BANGUNAN SPA**

Imbas kod QR atau layari pautan di bawah  
<https://bit.ly/TAKLIMATPSCR24> untuk membuat pendaftaran

2001	SYARIKAT ALINAH BTE DAMPUL & ANAK-ANAK	4344393	\$	100.00
2001	HAKLA CONSTRUCTION COMPANY	4344394	\$	100.00
2001	SYARIKAT IBUJAYA	4344396	\$	100.00
2001	NAZRUL ENTERPRISE	4344398	\$	100.00
2001	TUNAS HIJAU ENTERPRISE	4344401	\$	100.00
2001	DONNA NURSERY	4344403	\$	100.00
2001	VCON ENGINEERING	4344406	\$	100.00
2001	WAIZ ENTERPRISE	4344407	\$	100.00
2001	SYARIKAT MD KASSIM HJ ALI & ANAK-ANAK	4344409	\$	100.00
2001	SYARIKAT MISTI JAYA	4344411	\$	100.00
2001	GHANIYU CLEANING SYSTEM	4344415	\$	100.00
2001	MOHD KASSIM & BROTHERS	4344418	\$	100.00
2001	JARUDIN COMPANY	4344419	\$	100.00
2001	SENG CHOI CONSTRUCTION SDN BHD	4344424	\$	100.00
2001	KEHASAN (B) SDN BHD	4344435	\$	200.00
2001	ZAINARIF CONSTRUCTION COMPANY	4344436	\$	200.00
2001	TNC LANDSCAPING PRIVATE LTD	4344443	\$	200.00
2001	WONG SIW SING CONTRACTOR	4344446	\$	200.00
2001	SYARIKAT SERI MAKAR	4344447	\$	200.00
2001	NORMILA SDN BHD	4344448	\$	200.00
2001	PUSTAKA REMAJA	4344500	\$	100.00
2001	BRUSIN TRADING CO SDN BHD	4344503	\$	100.00
2001	NAZRUL ENTERPRISE	4344522	\$	100.00
2001	HARLIZA ENT. SDN BHD	4344524	\$	100.00
2001	TUNAS HIJAU ENTERPRISE	4344525	\$	100.00
2001	NORMILA S/B	4344526	\$	100.00
2001	JAMCO	4344527	\$	100.00
2001	ORBIT GENERAL CONSTRUCTION CO	4344528	\$	100.00
2001	RIZA FUDHLANA ENT & TRADING CO.	4344531	\$	100.00
2001	RESTORAN AMBAR KASTURI	4344546	\$	500.00
2001	ANIQAH ENTERPRISE	4344552	\$	500.00
2001	AL-HIDAYAH RESTAURANT	4344553	\$	500.00
2001	RESTORAN LIYANA	4344567	\$	500.00
2001	EMAN RESTAURANT	4344570	\$	500.00



# IMBASAN MINGGUAN



SUASANA Pusat Pergerakan Udara, Pangkalan Tentera Udara Rimba sebelum pasukan yang menyertai misi bantuan kemanusiaan ke Manila, Republik Filipina di bawah Operasi BADAI TADUH bertolak. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



SEBAHAGIAN daripada peserta yang hadir pada upacara penyampaian hadiah kepada para pemenang Discover UBD Challenge 2024 diadakan bersempena dengan Hari Keluarga Kebangsaan 2024. - Foto : Mohammad Hasif Matzin



PENDUDUK Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mengkubau dan sekitarnya yang menyertai Majlis Menyertu Bangunan Masjid Baharu RPN Kampung Mengkubau telah diadakan. - Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



AKSI seorang peserta Kejohanan Liga Super Sepak Takraw (LSST) TAIB 2024 diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Sungai Kebun. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



SEBAHAGIAN daripada lebih 550 peserta yang mengikuti Walkaton Hari Strok Sedunia 2024 anjuran Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) melalui Pusat Neurologi, Strok dan Pemulihan Brunei (BNSRC) yang berlangsung di Taman Rekreasi, Jalan Menteri Besar. - Foto: Mohamad Azmi Haji Awang Damit



# BERSAMA MENCEGAH, TANGANI PENYAKIT DIABETES

**GADONG**, Ahad, 3 November. – Di Negara Brunei Darussalam (NBD), diabetes adalah penyebab kematian yang keempat tertinggi selepas kanser, penyakit jantung dan penyakit Cerebrovascular.

Menurut kaji selidik Kebangsaan Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit 2015 - 2016, prevalens diabetes dalam kalangan orang dewasa di NBD ialah 9.7 peratus.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif semasa menyampaikan ucapannya pada Majlis Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2024 (World Diabetes Day) di Ruang Legar, Aras Bawah, The Mall, Gadong.

Dr. Hajah Rafidah seterusnya berkata bahawa penyakit diabetes terutama sekali diabetes Jenis 2 boleh dicegah.

Menurutnya, diabetes Jenis 2 adalah jenis penyakit diabetes metabolik yang berpunca daripada tahap gula dalam darah yang tinggi, atau juga disebut sebagai hiperglisemia dan penyakit ini juga biasanya dianggap sebagai penyakit yang berkaitan dengan gaya hidup yang kurang sihat termasuk pemakanan yang tidak seimbang, cara hidup yang *sedentary* atau tidak aktif dan berat badan yang berlebihan, iaitu *overweight* atau obes.

Beliau seterusnya mengongsikan bahawa diabetes juga boleh memberi impak yang

signifikan terhadap kesihatan mental, kerana menangani penyakit kronik seperti diabetes boleh menyebabkan tekanan atau kekecewaan.

Kebimbangan untuk mengalami komplikasi tambahnya, boleh menimbulkan rasa gelisah atau putus harapan dan keadaan stres berkenaan boleh mempengaruhi tahap gula di dalam darah dan menjadikan pengawalan diabetes menjadi sukar. Mengurus stres melalui teknik relaksasi, aktiviti fizikal, dan sistem sokongan adalah amat penting dalam pengawalan diabetes.

Justeru itu Kementerian Kesihatan ujarnya, telah melaksanakan beberapa tindakan pencegahan bagi obesiti dan diabetes termasuk Kod Pemasaran Makanan dan Minuman Yang Berhema kepada Kanak-kanak bagi melindungi kanak-kanak daripada kesan pengiklanan makanan dan minuman yang tidak berkhasiat dan cukai ke atas minuman yang mengandungi gula (Sugar-Sweetened Beverages Tax).

"Beberapa langkah untuk mewujudkan persekitaran pemakanan yang lebih sihat termasuk inisiatif Logo Pilihan Sihat bagi membantu pengguna untuk membuat pilihan makanan yang lebih sihat.

"Manakala program BN on the Move adalah salah satu inisiatif untuk mempromosi dan

menggalakkan masyarakat untuk sentiasa aktif melakukan kegiatan fizikal," jelasnya lagi.

Dr. Hajah Rafidah seterusnya berkata, meningkatkan kesedaran mengenai diabetes melalui pendidikan yang berterusan adalah kunci utama dalam pencegahan dan pengawalan penyakit diabetes dan tahun ini, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan Kempen Kesedaran Diabetes di beberapa buah sekolah menengah dengan pegawai perubatan dan jururawat dari Unit Endokrin dan juga Unit Paediatrik, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, memberi taklimat kepada para pelajar Tahun 7 tentang penyakit diabetes, gejala-gejalanya dan juga pencegahannya.

Terdahulu sebelum itu, Dr. Hajah Rafidah turut mengongsikan bahawa menurut Persekutuan Diabetes Antarabangsa, satu daripada 10 orang dewasa menghidap diabetes pada 2021.

Menurutnya, dianggarkan 537 juta orang dewasa di seluruh dunia kini menghidap penyakit diabetes, dan angka berkenaan dijangka akan meningkat kepada 643 juta menjelang 2030.

"Diabetes menyebabkan 6.7 juta kematian pada 2021 dan juga punca utama penyebab kehilangan penglihatan, kegagalan buah pinggang, serangan jantung, strok dan amputasi anggota di bahagian bawah badan.

"Menyedari akan ancaman

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

kesihatan global bagi diabetes, Sambutan Hari Diabetes Sedunia disambut di seluruh dunia pada setiap 14 November sebagai satu usaha global dan bersepadu untuk meningkatkan kesedaran tentang diabetes dan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam menanganinya.

"Hari Diabetes Sedunia juga menjadi satu platform bagi mendapatkan komitmen secara kolektif termasuk daripada individu, profesional kesihatan, penggubal dasar dalam pencegahan, diagnosis serta pengurusan diabetes dengan lebih baik.

"Pada tahun ini, tema Sambutan Hari Diabetes sedunia ialah 'Diabetes dan Kesejahteraan Semua' yang menekankan pentingnya penjagaan holistik yang meliputi kesihatan mental, aktiviti fizikal, pemakanan, dan sokongan sosial," katanya lagi.

Sementara itu tambahnya, sempena Hari Diabetes Sedunia 2024, satu simposium diabetes akan turut diadakan pada 10 November 2024 yang memfokuskan kepada 'Diabetes dan Kesejahteraan Hidup' dan simposium berkenaan akan diadakan khas untuk para profesional kesihatan, termasuk doktor, jururawat dan ahli-ahli profesional kesihatan bersekutu (Allied Health) untuk berkongsi maklumat terkini mengenai



**PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan semasa menyampaikan ucapannya pada Majlis Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2024 (World Diabetes Day).**

diabetes daripada pelbagai aspek termasuk kesihatan mental.

"Saya menyeru untuk sama-sama memberikan komitmen dalam mencegah dan menangani diabetes di NBD.

"Dengan meningkatkan kesedaran mengenai diabetes, mengamalkan gaya hidup yang lebih sihat, dan dengan memperkukuh sistem penjagaan kesihatan, kita dapat mencipta perubahan yang bermakna," ujarnya lagi.

## Meningkatkan kesedaran, kenal pasti risiko diabetes

**GADONG**, Ahad, 3 November. - Bersempena dengan Sambutan Hari Diabetes Sedunia yang diadakan pada setiap 14 November, Kementerian Kesihatan hari ini mengadakan Majlis Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2024 (World Diabetes Day) bertempat di Ruang Legar, Aras Bawah, The Mall, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pakar Perubatan (Endocrine), Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Dr. Seenaj Chandran selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Majlis Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2024, diikuti dengan ucapan perasmian oleh tetamu kehormat majlis dan diselenggarakan dengan sesi perkongsian pengalaman oleh pesakit diabetes, Dayang Hajah

Ajjah binti Haji Momin, yang juga merupakan Pengasas, Kumpulan Pengangon Senegara.

Sambutan Hari Diabetes Sedunia pada tahun ini bertepatan 'Diabetes dan Kesejahteraan' (Diabetes and Well-being), yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, serta mendidik orang ramai agar mereka mengetahui dan mengenal pasti risiko diabetes dan pencegahannya.

Pada majlis berkenaan juga terdapat pameran dan pelbagai aktiviti diadakan sempena sambutan tersebut seperti saringan pemeriksaan kesihatan, iaitu pemeriksaan glukosa dalam

darah, tekanan darah dan mata; ruai konsultasi bersama pakar penjagaan diabetes daripada pendidik jururawat diabetes, pakar diet, Podiatri, dan Oftalmologi di samping ruai permainan interaktif yang bertujuan untuk mendidik orang ramai tentang pemakanan yang sihat.

Terdapat juga aktiviti lain seperti sesi senaman berimpak rendah yang dibukakan kepada orang ramai serta secara percuma dan sudut kanak-kanak yang mengadakan aktiviti mewarna.

Bersempena Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2024 berkenaan, Simposium Diabetes: A Focus On

Diabetes & Wellbeing yang dihadiri oleh doktor-doktor, jururawat dan profesional kesihatan bersekutu akan diadakan pada 10 November 2024 nanti.

Simposium pendidikan berkenaan akan berlangsung di Presidential Lounge, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong bagi membincangkan cabaran fizikal dan mental para pesakit diabetes dan juga mengutamakan kesejahteraan mereka.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai serta kakitangan di Kementerian Kesihatan.



**PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2024 (World Diabetes Day) (atas dan bawah).**





## MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Mensyukuri Nikmat Kesihatan'. Tarikh Tutup : 6 November 2024
2. 'Jadikan Kerja Sebagai Ibadah'. Tarikh Tutup : 13 November 2024
3. 'Manfaatkan Hobi Dalam Menjana Pendapatan'. Tarikh Tutup : 20 November 2024

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaja jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :  
[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi**  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**



# سوراه رومي

## منيغكتكن ايكونومي دالم بيدغ فرتانين، قرإيكانن دان فنترنقن

جماعه يغ درحمي الله،

بر تقوى له كيت كحضرة الله سُبحانه وَتعالى دغن منيغكتكن كيلمان كقدن. مسغكوهن اورغ يغ فالبع مليا دسياسي الله سُبحانه وَتعالى ايت ايله اورغ يغ فالبع بر تقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سننيس مغايغي الله سُبحانه وَتعالى، براوله كجيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك داخيرة.

الله سُبحانه وَتعالى بر فرمان ددالم سورة البقرة اية ٢٩:

تفسيرن:

دياله الله يغ تله منجيتانن اف يغ اد دبومي كسموان اوتوق كامو (سوقاي كامو دافت مغيبيل فاعده درقدن). كمودين دي منوجونن كهندقن اوتوق منجيتانن لاغيت لالو دجاديككن توجه فثالا لاغيت. دان دي مها مغتاهوي تياف-تياف سسواتو.

جماعه يغ درحمي الله،

الله سُبحانه وَتعالى منجيتانن عالم سمنستا اين دغن سكل كنعمن دان هرتا يغ تركندوغ ددالمن اداله اوتوق ممنوي كقرلوان مانسي. اي مغندوغي انتاران كومقونن بيوتيك (BIOTIK) سفرت حيوان، توموهن دان مايكرو اوركانيسما (MICRO ORGANISME)، دان جوك كومقونن ايبوتيك (ABIOTIK) سفرت ميبق، كيس، بر باكي جنيس لوكام، اير، تانه دان لاين-لاين. سموان ايت دهقرنن اوليه الله سُبحانه وَتعالى سباكي بيدغ قهيدوقن يغ مغمو ماموا كسجهزان دان كعموران. اين سنتنون مغندقي مانسي اوتوق براوسها دان بكرجا دمي منجافاي دان ممنوي كقرلوان ديري، كلوارك، مشاركة دان نكارا. سموان ايت دسرهكن كقد كيت سلاكو مانسي اوتوق داميبيل منفعة دغن سكل بنتوق اوسها منوروت كجكافن، كماهين دان كعمقوان يغ ادا. القرآن ددالم سباكيان اية-ايتن تله ميريكن دوروغن-دوروغن كقد مانسي ممنعتكنن ككيان سومير عالم اين.

بر فرمان الله سُبحانه وَتعالى ددالم سورة الجاثية اية ١٢ هيغك ١٣:

تفسيرن:

الله يغ مودهكن لاعوت باكي ككوانن كامو سوقايا كافل ٢ بلاير فادان دغن فريتهن دان جوك سوقايا كامو دافت منجاري رزقي درقد ليمقه كورنيان دان سوقايا كامو برشكور. دان دي مودهكن اف يغ اد دلاغيت دان اف يغ اد دبومي سموان اوتوق ككوانن كامو (سباكي رحمة) درقدن. مسوغكوهن فد يغ دمكين ايت تردافت تندا ٢ ككواسان الله باكي قوم يغ (ماهو برقيكير).

ملك دغن سومير دان نعمة يغ دانو كرهكن الله سُبحانه وَتعالى ايت، اي قزلوله دكونانن دان دمعورنن دغن سبايكن. سلاين درقد ايت، سنياف دري كيت قزلوه مغقويادي موتواسي منجادي فمعورنن كقد بومي سباكيان دسبوت ددالم القرآن سورة هود اية ٦١:

تفسيرن:

دي تله منجيتانن كامو درقد بومي (تانه) دان منجاديكن كامو معموركنن.

جماعه يغ درحمي الله،

ادافون دانتارا سومير بومي يغ بوليه دمعورنن دان داوسهاكن ايله سفرت بيدغ فرتانين، قرإيكانن دان فنترنقن. ددالم القرآن اد منجريتانن باكيان نبي يوسف عَلَيْهِ السَّلَام ملبسكن مسئله ايكونومي دمصر يغ اد كايتنن دغن فرتانين، سباكيان فرمان الله سُبحانه وَتعالى دالم سورة يوسف اية ٤٦-٤٧:

تفسيرن:

(مريك فون مغوتوسن برجومقا دغن اورغ يغ عارف ايت يايث نبي يوسف عَلَيْهِ السَّلَام لالو بركات): "واهي) يوسف، اورغ يغ ساعت بنرا! ترغكله كقد كامو (تعبير ميمقي مغقوي) توجه ايكور لمبو بتينا يغ كموق دماكن اوليه توجه ايكور لمبو يغ كوروس، دان توجه تغكي (كندوم) يغ ميباو دان (دليغكاري اوليه) توجه تغكي لاين يغ كريغ سوقاي اكو كميالي كقد اورغ-اورغ (راج دان فميسر-فميسرن يغ مغوتوسكو) ايت، سموك مريك اكن دافت مغتاهوي (تعبيرن). نبي يوسف بركات: "هنقله كامو بر جوجوق تام سفرتي بياس سلاما توجه تاهون برتوروت-توروت، كمودين اف يغ كامو توي يياركنله اي فد تغكي-تغكين (سوقاي اي تيدق جفت روسق) كجوالي سدبيكيت اوتوق كامو ماكن."

بكيو جوك سحراره تله مراكمكن بهوا صحابة ٢ باكيندا صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ توروت سام ٢ موميع دالم كماجوان دان كعموران كوتا مدينة ملاووي اكيويي فرتانين سلاين قرناكانن دان فنديدقن. ددالم ساتو روايه ادا ميبوت، بهوا سنله نبي محمد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تيبا دمدينه، بكيندا مغكالفكنن اكر منيغكتكنن اوسها فرتانين. بومي مدينة كنيك ايت سيمعش سوپور دان قزلو داوسهاكن دغن ليه كيات. ملك قوم مهاجرين يغ برهجرة برسام بكيندا داتوركن سوقاي بكرجاسام ددالم اوسها-اوسها فرتانين دغن قوم اُنصار يايث فندودوق اصل مدينه. رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا دالم سبواه حديث، درقد جابر بن عبدالله رَضِيَ اللهُ عَنْهُ بهوا رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا: مَنْ كَانَتْ لَهُ أَرْضٌ فَلْيَزْرَعْهَا فَإِنَّ لَمْ يَزْرَعْهَا فَلَهُ زَرْعُهَا أَخَاهُ.

مقصودن:

"بارغسياف يغ ميبليقي تانه، هنقله دي بر جوجوق-تام فدن اتافونن دسرهكن تانه ايت كقد سواران (اوتوق بر جوجوق-تام)."  
[حديث روايه امام مسلم]

جماعه يغ درحمي الله،

توجوان اوتام فرتانين دان قرإيكانن قد اولن اداله اوتوق ممنوي كقرلوان اساسي مانسي يايث ماكنن دان مينومن. نامون دغن فركميشن ساءينس دان تيكنولوجي يغ براسسكن كقد كاجين دان فيلبيدقن، اي تله بر كميغ كقد بيدغ فنترنقن. سلاين ايت، قلياكي اينواسي تله دجيتنا دالم بيدغ فرتانين دان قرإيكانن. اين تله منيغكتكنن كجكافن، منجيتانن ماس دان كوس دان براوقايا منيغكتكنن حاصل قفلوران دان قد ماس يغ سام اي مسرا عالم دان تباد مضرتكن. اف يغ يات سكارغ ايله، فرتانين دان قرإيكانن اداله ساتو بيدغ

قرناكانن يغ ميري قلوغ يغ بسر كقد اومت اسلام خصوصن دالم قفلوران ماكنن دان قروودق ماكنن حلال يغ ميبوك قلاغ فركجانن دان كاوتوغن كقد فلابور دان قغوسها.

برباكي سزاتيحي فروكرام يغ تله، سدغ دان اكن دلقساننن اوليه فيبق يغ بر كايين دالم منيغكتكنن سومينن كاره سيكتور فرتانين دان قرإيكانن باكي فمباغونن نكارا. اوليه ايت، باكي مندوكوغ دان منجاينن اف جوا فروكرام دان فروجيك ترسبوت، كيت هنقله بيحق مغيبيل قلوغ دان مغكونانن كموداهن يغ دسديانن اوليه كراجانن دالم ماجوكن سيكتور فرتانين دان قرإيكانن اين.

اين سلاسر دغن حسرت نكارا باكي منجايي واوسن بروني ٢٠٣٥ يايث اوتوق ممقياكيكن ايكونومي نكارا سوقاي تيدق هان بر كنتوغ كقد حاصل ميبق دان كس، دان جوك حسرت نكارا اوتوق منيغكتكنن لاكي كولبي هيدوق دغن مغكلكن سومير عالم سكيتر يغ صيحت دان برسبه.

جماعه يغ درحمي الله،

اسلام تله ملتقن بيدغ فرتانين دان قرإيكانن سباكي فرض كفايه كران كدوا-دوا بيدغ ترسبوت مغقويادي قرانن يغ بسر دان فنتنغ كقد كهيدوقن مانسي. دغن ملقسانانن توتوتن فرض كفايه اين جوك تله دافت ميري سومينن يغ بسر كقد نكارا خصوصن كقد فيغكنن ايكونومي.

اوليه يغ دمكين، فارا فلادغ، فثاني، نلاين دان فنتنق سلاكو فمعورنن بومي هاروس برغك دغن فركجانن يغ تله مريك لاكوكن ليه-ليه لاكي اي جوك مروفانن ساتو عباده دان توروت سام ميري سومينن كقد فمباغونن نكارا.

ملك كاره ممقياكيكن سومير ايكونومي نكارا، ماريله كيت سام-سام مهابوت سروان راج يغ كيت كاسيهي خصوصن كقد كولوغن بلبا دنكارا اين، اوتوق برسام-سام بر كنديدغ تناك دان بر اوسها باكي مغمغ ماجوكن لاكي بيدغ فرتانين، قرإيكانن دان فنتنقن دمي كغسوغن هيدوق بغسا دان نكارا كيت يغ ترجيتنا اين. سومياغن سموا رعية كاره كعمورنن دان كسجهزان نكارا اداله سباكيان درقد توتوتن اسلام.

ماريله كيت ميري سوكونن كقد فارا فثاني، فنتنق دان نلاين كران دغن اوسها دان تيبق قله مريكله كيت ممقواوليهي سومير ماكنن. سام-سامله كيت بردعا سموك نكارا كيت اكن سننيس ماجو دالم بيدغ فرتانين، قرإيكانن دان فنتنقن، سكاليكوس اكن دافت منيغكتكنن دان ممقياكيكن لاكي ايكونومي نكارا. آمين يا رب العالمين.

تفسيرن:

دان دياله يغ مندوقن (مودهكن) لاتون سوقاي كامو دافت ماكن درقدن داكيغ يغ لمبوت (ايكن) دان كامو مغلواركن درقد لاتون ايت قرياسن يغ كامو فاكاي. دان كامو (جوك) مليهت كافل-كافل بلاير فدن دان سوقاي كامو دافت منجاري رزقي درقد ليمقه كورنيان دان سوقاي كامو برشكور.

[سورة النحل اية: ١٤]

بَارِكْ لِلَّهِ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعْنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمُ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَمَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ بِإِنجَاةِ النَّابِينَ.





# Hargai penat lelah pemakmur bumi

Oleh : Norliah Md. Zain  
 Foto : Jabatan Penerangan

**N**EGARA Brunei Darussalam (NBD) sememangnya komited dalam meningkatkan jaminan sekuriti makanan melalui sektor pertanian, penternakan mahupun perikanan. Ini termasuk menggalakkan pelaburan langsung (FDI) domestik dan asing, dan meningkatkan produktiviti melalui penggunaan teknologi untuk memenuhi permintaan domestik dan eksport.

NBD juga memberi tumpuan kepada amalan pertanian mampan dan pengeluaran makanan tempatan untuk mengurangkan pergantungannya kepada makanan import.

Dalam hal ini, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) adalah autoriti yang bertanggungjawab ke atas pembangunan pertanian dan pengeluaran agrimakanan negara dan juga menjadi tunggak utama dalam perekonomian negara agar tidak hanya bergantung kepada sumber minyak dan gas sahaja.

Manakala Jabatan Perikanan di bawah kementerian yang sama pula bertanggungjawab untuk pertumbuhan mampan industri perikanan dan memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti dan menggalakkan eksport. Jabatan ini berperanan untuk menilai stok perikanan, perancangan, pengurusan, pemuliharaan sumber perikanan, dan mewujudkan sektor akuakultur yang mampan. Agensi inilah yang menyediakan perkhidmatan teknikal dan sokongan kepada industri perikanan dan

melaksanakan program keselamatan makanan dan kawalan kualiti dalam pemrosesan makanan laut.

Memandangkan sumber pertanian, ternakan dan perikanan amat penting untuk negara, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengisytiharkan 1 November setiap tahun sebagai Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan. Golongan ini mengerah tenaga dan hasil titik peluh merekalah kita dapat menikmati pelbagai makanan untuk kehidupan kita seharian.

Mengiktiraf dan mengenang jasa peranan mereka selaku penjana makanan bagi negara ini adalah sebagai penghargaan atas sumbangan yang diberikan dalam mengembangmajukan sektor pertanian, ternakan dan perikanan untuk kesejahteraan penduduk negara ini.

Pengisytiharan tersebut telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika baginda berkenan merasmikan Ekspo Pertanian dan Agrimakanan bertempat di Taman Agroteknologi Brunei, Kampung Tungku pada 19 November 2009.

Dengan adanya Hari Peladang Petani, Penternak dan Nelayan ini, sudah setentunya akan menyuntik semangat dan menguatkan azam mereka untuk lebih bergiat dalam mengeluarkan sumber pemakanan

negara, demi masyarakat dan kemakmuran negara.

Sambutan ini juga diadakan bagi tujuan untuk mencetus semangat para peladang, petani, penternak dan nelayan, agar lebih giat dan aktif lagi dalam mengembangkan dan meningkatkan keluaran perladangan masing-masing kerana sektor-sektor ini mempunyai potensi yang sangat besar dalam menyumbang kepada peningkatan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan usaha ke arah mempelbagaikan ekonomi melalui penekanan kepada empat teras utama iaitu pertumbuhan (*growth*), produktiviti (*productivity*), eksport (*export*) dan perusahaan mampan (*sustainable*).

Dengan mengambil pendekatan pengeluaran berskala komersial dan penggunaan teknologi moden dan terkini, tidak syak lagi keluaran industri-industri pertanian dan perikanan boleh dipertingkatkan sehingga berupaya menembusi pasaran luar negara (eksport).

Sememangnya pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai perancangan yang jitu dan komprehensif. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui pelbagai agensi telah mula dan melaksanakan beberapa inisiatif untuk mempromosikan ekonomi keliling yang berdaya tahan.

Ini termasuklah KSSUP di mana pelan hala tuju dan sasaran strategik kementerian tertumpu ke arah menggalakkan amalan mampan dalam sektor sumber utama (termasuklah pertanian dan perikanan) khususnya dalam pemulihan dan penjanaan semula

sumber.

Dalam memajukan sektor makanan dan memastikan sekuriti makanan bagi negara ini dalam jangka masa panjang, antara inisiatif adalah pelaksanaan konsep fasa awal Regenerative Agriculture bagi meningkatkan hasil dengan menambah baik kesihatan dan kesuburan tanah secara mampan dalam pengeluaran padi dan tanaman.

Ini melibatkan penggunaan prinsip ekonomi keliling di mana perniagaan-perniagaan tempatan tertentu yang mengumpulkan sisa atau najis ayam dari ladang atau sisa makanan dan mengubahnya kepada kompos (baja organik) untuk penambahbaikan tanah di ladang padi dan sayur.

Ekonomi keliling dalam sektor perikanan pula menggalakkan kemampanan dengan menggunakan sumber secara cekap dan meminimumkan sisa melalui amalan seperti Aquaponics and Recirculating Aquaculture Systems (RAS).

Kaedah ini, mengitar semula air dan nutrien, mengurangkan impak alam sekitar, menyokong pengeluaran makanan tempatan dan meningkatkan kecekapan sumber.

Dalam bidang perikanan juga, NBD telah menubuhkan Marine Protected Areas (MPA) dalam kawasan pesisir perairan Brunei yang bertujuan untuk meningkatkan produktiviti sumber marin dan meningkatkan sekuriti makanan melalui perlindungan dan memulihara warisan semula jadi marin kita, khususnya tapak semaian hidupan marin dan tempat pembiakan di perairan negara ini.

Perancangan yang strategik ini setentunya tidak terkecuali

memerlukan para peladang, petani, penternak dan nelayan juga untuk merealisasikannya. Oleh itu, janganlah kita memandang enteng golongan ini. Tanpa mereka, sumber makanan kita akan terjejas teruk.

Dengan zaman yang mengamalkan teknologi tinggi dan inovasi baharu, penghasilan golongan ini boleh dilipatgandakan yang setentunya boleh memberikan pendapatan yang lumayan kepada mereka asalkan tahu merebut peluang. Semua ini boleh melepaskan mereka daripada belunggu kemiskinan dan menaik taraf kehidupan golongan ini kepada yang lebih baik walaupun masih kekal pada karier yang sama. Mereka ini juga patut didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran terkini pada meningkatkan produktiviti dan pembangunan kapasiti di samping memastikan kejayaan berterusan penggunaan teknologi pada bidang masing-masing.

Kita selaku rakyat dan penduduk negara ini patut bersyukur kerana walaupun NBD sebuah negara yang kecil tetapi ia kaya dengan sumber alam dan dikurniakan nikmat dengan bumi yang subur, yang sesuai untuk bercucuk tanam, di samping menikmati suasana dan keadaan yang aman, terlepas daripada pelbagai musibah berat seperti bencana-bencana alam yang merosakkan bumi dan harta benda.

Para peladang, petani, nelayan dan penternak selaku pemakmur bumi harus berbangga dengan pekerjaan yang telah mereka lakukan lebih-lebih lagi ia juga merupakan satu ibadah dan turut sama memberi sumbangan kepada pembangunan negara.







## Kurikulum baharu mata pelajaran Pendidikan Islam

Oleh : Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei  
Foto : Jabatan Penerangan, ihsan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama

**S**EPERTI yang kita maklum, 1 November 2024 merupakan satu tahun pelaksanaan Sistem Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama Ke Dalam Sistem Pendidikan Umum.

Rencana kali ini mengongsikan wawancara mengenai kurikulum baharu mata pelajaran Pendidikan Islam bersama Pengarah Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Ali Hamdani bin Haji Muhamad Diah, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Sukatan Pelajaran dan Penilaian Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama Ke Dalam Sistem Pendidikan Umum dan Pemangku Penolong Pengarah Pengajian Islam (Profesional), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Ayop bin Haji Ghani selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Sukatan Pelajaran dan Penilaian Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama Ke Dalam Sistem Pendidikan Umum.

**S : Bolehkah Tuan kongsi apakah usaha-usaha pihak Kementerian Pendidikan dan KHEU dalam mengemas kini mata pelajaran Pendidikan Islam bagi pengintegrasian ini?**

**J : Respon dari Jabatan Perkembangan Kurikulum (JPK)**  
Di antara usaha utama pihak Kementerian Pendidikan dan KHEU dalam proses pengemaskinian mata pelajaran Pendidikan Islam bagi pengintegrasian ini adalah :

Mengemas kini kurikulum Pendidikan Islam dengan mengambil kira keluasan, kedalaman dan kesesuaian bagi memastikan ia selaras dengan peringkat umur pelajar.

Alhamdulillah, bermula Oktober 2023, Pengemaskinian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam Tahun 2, 3, 4 dan 5 (Sukatan Peralihan) telah dilaksanakan. Sesi Sosialisasi Sukatan Peralihan berkenaan telah diadakan pada 23 dan 25 November 2023.

Dalam masa yang sama juga, pengemaskinian Sukatan Pelajaran Baharu Pendidikan Islam Tahun 2, 3, 4 dan 5 dilaksanakan. Jawatankuasa Sukatan Pelajaran dan Penilaian telah melaksanakan dengan :

- Meneliti sukatan pelajaran peralihan.
- Membuat *benchmarking* (tanda aras) dengan mengadakan lawatan dalam dan luar negara untuk meninjau amalan terbaik dalam pembinaan kurikulum.
- Menjalankan kaji selidik kepada guru-guru Pendidikan Islam.
- Membuat rumusan dan pengesahan sukatan tersebut bersama Jawatankuasa Pakar.

Dalam pada itu, Jawatankuasa Sukatan Pelajaran dan Penilaian dan Jawatankuasa Pakar (Expert Committee) sedang membina dan menyelaraskan kandungan buku teks Pendidikan Islam (baharu) Tahun 2 dengan menggunakan bahan yang telah dikemas kini oleh Jabatan

Mufti Kerajaan untuk digunakan pada tahun 2025, insyaaAllah.

Sosialisasi kurikulum dan penilaian mata pelajaran Pendidikan Islam Tahun 2, InsyaaAllah akan diadakan dalam bulan awal bulan November 2024 bagi semua guru Pendidikan Islam Tahun 2.

**S : Bilakah pelaksanaan kurikulum baharu Pendidikan Islam ini bermula?**

**J : Respon dari Bahagian Kurikulum, Jabatan Pengajian Islam (JPI)**

Kurikulum baharu mata pelajaran Pendidikan Islam akan mula dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula pada bulan Januari 2025 iaitu bagi peringkat Tahun 2, diikuti pelaksanaan bagi peringkat Tahun 3 pada tahun 2026, peringkat Tahun 4 pada tahun 2027 dan peringkat Tahun 5 pada tahun 2028.

Pelaksanaannya kurikulum baharu ini adalah meliputi semua sekolah rendah kerajaan dan swasta Negara Brunei Darussalam (NBD), termasuk sekolah-sekolah antarabangsa.

**S : Apakah matlamat utama dalam pelaksanaan kurikulum baharu Pendidikan Islam ini, dan bagaimana ia dijangka memberi impak kepada pelajar?**

**J : Respon dari JPK**  
Matlamat utama pelaksanaan kurikulum baharu Pendidikan Islam ini adalah untuk membekalkan para pelajar dengan ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah yang kukuh agar mereka menjadi orang yang berilmu, beriman, beramal dan berakhlak dengan ajaran-ajaran Islam dan menjadikan Islam sebagai panduan dan pegangan

hidup.

Melalui kurikulum Pendidikan Islam ini, para pelajar akan dikembangkan lagi potensi mereka menjadi individu yang bukan sahaja berpengetahuan dalam bidang agama, bahkan juga memiliki daya berfikir yang lebih aktif, kreatif dan inovatif agar mereka dapat menjalani kehidupan serta mampu menyelesaikan isu-isu serta cabaran yang mereka hadapi berlandaskan ajaran Islam yang sebenar.

**S : Bagaimanakah proses pemilihan kandungan dalam kurikulum baharu ini dilakukan untuk memastikan ia relevan dengan keperluan pelajar masa kini?**

**J : Respon dari Bahagian Kurikulum, JPI**

Dalam proses pembangunan kurikulum baharu Pendidikan Islam ini, pelbagai perkara telah diambil kira bagi memastikan kurikulum yang dibina ini bukan sahaja dapat memenuhi keperluan beragama murid-murid itu sendiri, tetapi juga untuk ianya bersifat lebih relevan, semasa dan sesuai dengan peringkat umur dan kemampuan kognitif murid-murid yang disasarkan itu sendiri.

Proses pembinaan kurikulum baharu ini melibatkan tenaga-tenaga pakar institusi-institusi pengajian tinggi iaitu pihak Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) bermula daripada peringkat penyusunan sukatan dan tajuk-tajuk pelajaran lagi. Tujuannya adalah untuk memastikan tajuk-tajuk pelajaran

yang ditetapkan bagi satu-satu peringkat pembelajaran itu benar-benar relevan dan sesuai dengan keperluan beragama, keupayaan kognitif dan peringkat umur murid yang disasarkan.

Selain itu, bagi mendapatkan maklum balas serta cadangan guru-guru, pihak Jawatankuasa Kurikulum dan Penilaian juga telah membuat lawatan pemantauan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam Tahun 2 hingga 5 ke sekolah-sekolah rendah serta menjalankan kaji selidik secara dalam talian kepada semua guru-guru mata pelajaran Pendidikan Islam.

Berdasarkan cadangan sukatan dan tajuk-tajuk pelajaran daripada pakar-pakar yang kemudiannya diselaraskan dengan dapatan-dapatan hasil pemantauan dan kaji selidik yang telah dilaksanakan tersebut, sehingga terbinalah sukatan pelajaran baharu mata pelajaran Pendidikan Islam.

Untuk proses pembinaan pengisian kurikulum dan buku teks pula, pihak jawatankuasa juga telah mendapatkan kerjasama daripada tenaga pakar dari UBD, UNISSA dan KUPU SB untuk meneliti dari segi penggunaan bahasa serta grafik dan ilustrasi buku agar ianya lebih sesuai, relevan dan terkini serta mampu mengembangkan potensi dan daya berfikir murid-murid.

Selain itu, pihak Jabatan Mufti Kerajaan Brunei juga terlibat dalam meneliti isi kandungan kurikulum Pendidikan Islam yang baharu ini bagi memastikan segala sumber dan fakta yang dinyatakan adalah tepat, sesuai dan memenuhi keperluan beragama murid dalam konteks NBD.





# TEROKAI PELUANG BAHARU DALAM PENYELIDIKAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 2 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima kunjungan daripada Universiti Hadhramout, Yaman dan seterusnya memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi kerjasama dan kolaborasi yang boleh diterokai dalam bidang-bidang yang tertentu.

Menandatangani bagi pihak

UNISSA ialah Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal dan bagi pihak Universiti Hadhramout, Yaman pula ditandatangani oleh Presiden Universiti tersebut, Profesor Dr. Mohammed Saeed Khanbash.

Termeterainya penandatanganan MoU itu akan dapat menjalinkan lagi hubungan kerjasama seperti penyelidikan, program komuniti termasuk



REKTOR UNISSA semasa menerima kunjungan daripada Universiti Hadhramout, Yaman dan Universitas Islam Negeri Siber Syekh Nurjati Cirebon (UINSSC), Indonesia dan diteruskan dengan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) (kiri dan atas).

mobiliti pelajar dan tenaga akademik di antara dua institusi.

UNISSA juga telah menerima kunjungan daripada Universitas Islam Negeri Siber Syekh Nurjati Cirebon (UINSSC), Indonesia yang diketuai oleh Rektor UINSSC, Profesor Dr. Aan Jaelani.

Antara yang dibincangkan ialah mengenai peluang kerjasama dan kolaborasi dalam melaksanakan beberapa aktiviti di peringkat

antarabangsa serta pentingnya meningkatkan kerjasama yang kukuh dengan tujuan untuk menerokai peluang-peluang baharu untuk kerjasama, meningkatkan kerjasama strategik dan menangani cabaran dunia siber bersama bagi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat kedua-dua negara.

Kunjungan turut diteruskan dengan Majlis Menandatangani MoU antara UNISSA dengan

UINSSC. Menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA, manakala bagi pihak UINSSC ialah Rektor UINSSC.

Melalui penandatanganan MoU ini, pihak UINSSC dan UNISSA telah merancang untuk melakukan pertukaran pelajar dan tenaga akademik untuk mengikuti kursus jangka panjang atau pendek dalam program kemahiran yang melibatkan bidang teknologi, manuskrip dan usuluddin.

## Program Sua Muka dekati Rumah Panjang Mendaram Besar, Teraja

■ Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

**LABI**, Sabtu, 2 November. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan serta menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait, Bahagian Cawangan Daerah, hari ini mengadakan Program Sua Muka bagi Rumah Panjang Mendaram Besar dan Teraja, Mukim Labi, Daerah Belait yang berlangsung di rumah panjang berkenaan.

Hadir mengetuai rombongan

Jabatan Penerangan ialah Ketua Bahagian Cawangan Daerah, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar.

Program dimulakan dengan mukadimah ketua rombongan yang antara lain menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Tambahnya, sebagai salah satu

SEKITAR Program Sua Muka bagi Rumah Panjang Mendaram Besar dan Teraja, Mukim Labi, Daerah Belait yang berlangsung di rumah panjang berkenaan.

program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersemuka, ia dihasrat untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikannya program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Program Sua Muka turut diisikan sesi dialog bersama penduduk



kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan yang antara lain berkaitan dengan alam sekitar, institusi kebajikan, prasarana dan kemudahan awam serta hal-hal lain.

Turut hadir menyampaikan

maklumat kepada penduduk-penduduk kampung ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan; Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Jabatan Daerah Belait.



ANTARA barang rampasan yang berjaya dirampas oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) semasa menjalankan Operasi Canon (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 2 November. - Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah menjalankan Operasi Canon pada 2 hingga 10 Oktober 2024 yang menyasarkan kepada satu kumpulan pengedaran dadah yang didalangi oleh seorang warga tempatan yang berusia 48

tahun.

Operasi tersebut telah menahan seramai 18 individu yang terdiri daripada 15 warga tempatan dan tiga warga asing kerana dipercayai terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah terkawal.

Setakat ini, Operasi Canon

## Operasi Canon tahan 18 individu terlibat pengedaran dadah

■ Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

telah merampas sebanyak 1,363.38 gram syabu yang dianggarkan bernilai lebih daripada BND190,000 di pasaran tempatan dan boleh menampung sekurang-kurangnya 13,500 orang penagih dadah.

Turut dirampas, wang tunai berjumlah BND1,137 dan SGD20 dipercayai hasil daripada kegiatan pengedaran dadah, alat perkakas untuk menyalahgunakan dadah dan alat-alat dipercayai digunakan dalam membungkus (*packing*) dadah seperti alat timbangan digital, gunting dan paket-paket kecil.

Siasatan yang dijalankan oleh BKN mendapati sindiket ini memperoleh bekalan dadah dari negara jiran yang kemudian diseludup masuk dengan disembunyikan di dalam tayar ganti sebelum ia dibahagikan untuk diedarkan di pasaran tempatan.

Dua orang tangkapan Operasi

Canon akan disiasat di bawah Seksyen 3A, Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 atas kesalahan memiliki dadah terkawal bagi tujuan mengedar. Salah seorang daripadanya akan disiasat kerana memiliki sebanyak 1,300.29 gram syabu dan jika sabit kesalahan dengan jumlah dadah yang

tersebut, boleh membawa hukuman gantung sampai mati.

Dalam kesempatan ini, BKN ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan yang menyumbang kepada kejayaan operasi ini sebagai usaha bersama membanteras jenayah-jenayah di negara ini.





# AWANG SEFLI, DAYANG NORAZIMAH JUARA 4HRS BANG DALAM TRAIL RUN



**PEMANGKU** Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Turut hadir Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas dan kanan).

**TUTONG**, Ahad, 3 November. - Awang Sefli bin Ahar dan Dayang Norazimah binti Md. Zin masing-masing menjuarai 4hrs Bang Dalam Trail Run Looping Endurance Challenge 2024 bagi Kategori Lelaki Terbuka dan Kategori Wanita Terbuka.

Awang Sefli juga turut diumumkan sebagai pemenang bagi Fastest Looping dengan catatan masa 11 minit 57 saat di pusingan yang pertama.

Sementara itu, naib juara bagi Kategori Lelaki Terbuka disandang oleh Awang

Shamsuleffandy bin Haji Sulaiman, diikuti tempat ketiga ialah Awang Muhammad Ajmal Azman bin Haji Sudin.

Manakala, naib juara bagi Kategori Wanita Terbuka disandang oleh Dayang Leha Kooch diikuti tempat ketiga diberikan kepada Dayang Nurul Mahirah Miramid.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad.

Juga disampaikan ialah hadiah bagi peserta termuda, Ollie Burrows, berumur sembilan tahun dan peserta senior, iaitu Awang Radzuan bin Abdullah, berumur 62 tahun.

Larian yang bermula dan berakhir di Trek Hiking Kampung Bukit Bang Dalam, Daerah Tutong berkenaan merupakan anjuran Bang Dalam Runner Team dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Layong.

Terdahulu pada sebelah pagi, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Ihsan Bang Dalam Runner Team dan Majlis Perundingan Kampung Layong

Selamat oleh Awang Ishak bin Haji Sabtu yang kemudiannya diteruskan lagi dengan sesi taklimat format larian dan sesi pemanasan badan sebelum perlepasan larian oleh para peserta.

Perlepasan para peserta larian disempurnakan oleh Pemangku Ketua Kampung Layong, Awang Haji Mohd. Noh bin Haji Mohd. Taib, sementara perlepasan para peserta yang

menyertai 'Fun Trail Run' disempurnakan oleh Penasihat MPK Layong, Awang Airwan bin Haji Abang.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohammad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, yang juga selaku Penghulu Mukim Ukong.

Acara diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis.

## Brunei DPMM FC berjaya tewaskan Albirex Niigata (S)

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya

Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman, Tangkap Layar Singapore Premier League



**AKSI** perlawanan di antara Brunei DPMM FC menentang Albirex Niigata (S) pada perlawanan Singapore Premier League (SPL) (kiri dan atas).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 2 November. - Pasukan Brunei DPMM FC menamatkan perlawanan Singapore Premier League (SPL) pada tahun ini dengan kemenangan yang memuaskan setelah menewaskan Albirex Niigata (S) 3 - 2 pada perlawanan yang berlangsung di

Jurong East Stadium, Singapura, lewat petang tadi.

Albirex Niigata (S) telah membuka tirai jaringan perlawanan pada masa tambahan babak pertama, apabila Shingo Nakano, pemain penyerang menjaringkan gol mengelecek penjaga gawang Brunei DPMM FC dan dengan

mudahnya memasukkan bola ke gawang.

Pada masa tambahan itu juga, Brunei DPMM FC menyamakan kedudukan 1-1 apabila Ketua Pasukan, Azwan Ali Rahman berhasil membolos pertahanan lawan dengan sepakan kaki kiri yang meluru ke kanan penjaga gawang Albirex Niigata (S). Kedudukan kekal hingga tamat separuh masa pertama.

Tidak lama daripada wisel separuh masa kedua ditiupkan, pemain penyerang Brunei DPMM FC, Miguel Oliveira tidak melepaskan peluang apabila

menjaringkan gol kedua buat Brunei DPMM FC akibat kecuaihan barisan pertahanan Albirex Niigata (S).

Namun pada minit ke-60, Ketua Pasukan Albirex Niigata (S), Stevia Mikuni berhasil menggoncang gawang Brunei DPMM FC untuk menyamakan kedudukan 2 - 2 dengan tandukan bola masuk hasil daripada tendangan sudut.

Penjaga gawang Brunei DPMM FC, Haimie anak Nyaring menunjukkan permainan pertahanan yang bagus setelah diuji bertubi-tubi hingga pemain

lawan nyaris menjaringkan gol.

Pada minit akhir perlawanan, pemain Brunei DPMM FC, Azwan Salleh mencuba nasib dengan rembatan kaki kirinya menuju ke gawang lawan dan berhasil menjaringkan gol terakhir dan gol penamat buat Brunei DPMM FC pada perlawanan SPL pada tahun ini.

Kedudukan akhir perlawanan 3 - 2, kemenangan berpihak kepada Brunei DPMM FC dan membawa pulang 3 mata penuh. Perlawanan Brunei DPMM FC di SPL akan diteruskan pada bulan Januari tahun depan.





ePaper Pelita Brunei



## MS ABDB 'B', MUARA SPURS 'B' UNGGULI KUMPULAN A, B



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu khas pada Kejohanan Liga Super Sepak Takraw (LSST) TAIB 2024 (kiri). Sementara gambar kanan, aksi para pemain pada perlawanan berkenaan.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Suzani Adina Haji Marzuki

**TUTONG**, Ahad, 3 November. - Saingan Kejohanan Liga Super Sepak Takraw (LSST) TAIB 2024 diteruskan hari ini dengan perlawanan peringkat kumpulan pusingan pertama yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Tutong.

Hadir menyaksikan kejohanan tersebut selaku tetamu-tetamu khas ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan selaku Ketua Kampung Sengkarai; Penghulu Mukim Telisai, Awang Haji Haslan bin Haji Shahbuddin; Ketua Kampung Keriam, Awang Haji Bahrin bin Haji Bolhassan; dan Ketua Kampung Pekan Tutong, Awang Zambri bin Haji Ibrahim.

Sebanyak 10 lagi perlawanan telah diadakan yang melibatkan pasukan dari

Kumpulan 'A' dan 'B' bagi Kategori Regu Terbuka.

Dalam perlawanan Kumpulan 'A', Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) 'B' menang dengan kiraan 13-15, 15-6, 15-12 ke atas Semada 'B'; Permata Hijau 'A' mengalahkan Siguntur Alam 'B' dengan kiraan 15-8, 15-11; Semada 'B' tewas kepada Sengkurong dengan kiraan 9-15, 12-15; MS ABDB 'B' menang dengan kiraan 15-12, 15-11 ke atas Siguntur Alam 'B'; dan Permata Hijau 'A' tewas kepada Sengkurong dengan kiraan 16-17, 16-17.

Dengan keputusan tersebut, MS ABDB 'B' kekal di tangga teratas bagi Kumpulan 'A', diikuti Sengkurong di tempat kedua, Permata Hijau 'A' di tempat ketiga, Siguntur Alam 'B' di tempat keempat, dan Semada 'B' di tempat kelima.

Sementara itu, dalam perlawanan

Kumpulan 'B', Mengkubau 'A' menewaskan Meragang Tigers dengan kiraan 15-8, 15-13; Warisan Belait 'B' kalah kepada Muara Spurs 'B' dengan kiraan 8-15, 9-15; Meragang Tigers tewas kepada 7 Bros dengan kiraan 11-15, 12-15; Mengkubau 'A' tewas kepada Muara Spurs 'B' dengan kiraan 10-15, 7-15; dan Warisan Belait 'B' kalah kepada 7 Bros dengan kiraan 11-15, 15-13, 3-15.

Dengan keputusan tersebut, Muara Spurs 'B' menduduki tangga teratas bagi Kumpulan 'B', diikuti 7 Bros di tempat kedua, dan Mengkubau 'A' di tempat ketiga, Warisan Belait 'B' di tempat keempat, dan Meragang Tigers di tempat kelima.

Perlawanan-perlawanan bagi Kumpulan 'C' dan 'D' akan diadakan pada Ahad, 10 November 2024 di Kompleks Sukan Tutong dan 17 November 2024 di Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah akan berlangsung pada Ahad, 24 November 2024 bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Kejohanan LSST TAIB 2024 merupakan anjuran kali kedua Persatuan Sepak Takraw Brunei Darussalam (PESTABARU) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Perbadanan TAIB selaku penaja utama liga.

Orang ramai yang ingin menyaksikan perlawanan-perlawanan serta Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah pada hari-hari berkenaan adalah dialu-alukan hadir bagi sama-sama memeriahkan dan memberi sokongan Kejohanan LSST TAIB 2024 dan masuk adalah percuma.

## Kejohanan Badminton Di Antara Kementerian-kementerian buka tirai



Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUTONG**, Ahad, 3 November. - Kejohanan Badminton Di Antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-31 yang dianjurkan bersama Jabatan Bandaran Tutong dan Jabatan Daerah Tutong serta dikendalikan oleh Kelab Badminton Sekolah

Chung Hwa Kiudang, Tutong membuka tirainya hari ini dengan acara Majlis Pembukaan Rasmi yang berlangsung di Dewan Sekolah Chung Hwa, Kiudang, Tutong.

Acara kejohanan badminton berpasukan berkenaan disertai sebanyak 19 pasukan daripada kementerian-kementerian dan akan mempertandingkan sebanyak lima kategori, iaitu; Beregu Lelaki (Bahagian 1

dan terbuka), Beregu Lelaki 'A' (Kategori B2 dan Ke Atas), Beregu Lelaki 'B' (Kategori Bahagian III dan Ke Bawah), Beregu Wanita 'A' (Kategori Bahagian III dan Ke Atas) dan Beregu Wanita 'B' (Kategori Bahagian IV dan Ke Bawah).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan pembukaan rasmi berkenaan, Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam

SUASANA pada Kejohanan Badminton Di Antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-31 (kiri dan kiri sekali).

Negeri, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Perlawanan separuh akhir akan diadakan pada 9 November 2024 dan seterusnya perlawanan akhir kejohanan akan diadakan pada Ahad, 10 November 2024. Juara kejohanan akan merembut hadiah Piala Pusingan yang disumbangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Acara sukan berkenaan dihasratkan akan dapat mengeratkan dan mengukuhkan lagi hubungan silaturahim, kerjasama dan perpaduan warga Perkhidmatan Awam (PA) serta menggalakkan warga PA untuk sentiasa mengamalkan cara hidup sihat dan aktif melalui sukan badminton.

Turut hadir pegawai-pegawai kanan kerajaan, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung Daerah Tutong.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

TINGKATKAN EKONOMI DALAM PERTANIAN, PERIKANAN, PENTERNAKAN